



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN NEGARA**  
*Senate*

**PARLIMEN KELAPAN**  
*Eight Parliament*

**PENGGAL PERTAMA**  
*First Session*

---

**Jilid 1 Bil. 7 Hari Selasa 19hb Februari, 1991**

---

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Ruangan 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1991 (Ruangan 26)



MAIAYSIA

DEWAN NEGARA

Selasa, 19hb Februari, 1991

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

PROJEK EMPANGAN HIDROELEKTRIK PERGAU

i. Tuan Hassan bin Harun minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan bilakah Kerajaan Persekutuan akan memulakan projek Aapangan Pergau. Berapakah kos keseluruhannya dan bilakah ia dijangka akan siap. Apakah implikasinya kepada alam sekitar.

**Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Seri S. Samy Vellu]:**

Tuan Yang di-Pertua, projek Ampangan Hidroelektrik Pergau dijadualkan bermula pada bulan Mac atau April 1991 secara kontrak Turnkey dan dijangka siap pada tahun 1995 atau 1996. Harga kontrak keseluruhan yang telah dirundingkan adalah \$M1,345 juta. Sungguhpun begitu, Kerajaan British telah bersetuju memberi bantuan geran berjumlah M\$362 juta menjadikan kos sebenar berjumlah M\$983 juta.

Penilaian kesan-kesan ke atas alam sekitar telah dilaksanakan mengikut Akta Kualiti Alam Sekitar (Pindaan) 1988. Hasil penilaian ini menunjukkan bahawa kesan-kesan ke atas alam sekitar amatlah kecil. Jabatan Alam Sekitar telahpun meluluskan projek ini dari segi kesan ke atas alam sekitar.

**Tuan Mustafa bin Awang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya pohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, kontrak yang sebegini besar berapakah jumlah bilangan kontraktor canpatan saina ada ianya Melayu ataupun bukan Melayu, yang turut serta menjadi sub-kontrak daripada projek yang sebesar ini.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, kontrak ini telah diberi kepada sebuah syarikat bumiputera bergabung dengan syarikat daripada luar negeri iaitu Syarikat Bumiputera Kerjaya dengan syarikat daripada luar negeri iaitu Balfabelty Cementation Sdn. Bhd. Jadi, kontrak ini adalah satu kontrak yang bergabung di antara kontraktor tempatan bersama-sama dengan kontraktor daripada luar negeri.

**Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, soalan saya ini ada hubung-kait dengan masalah mendapatkan tenaga daripada kuasa-kuasa melalui hidro ataupun empangan. Dahulu ada ura-ura Kerajaan untuk mengadakan mini-hidro. Adakah ini dilaksanakan bagi memberi kemudahan tenaga elektrik ke kampung-kampung?

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah menimbang beberapa projek mini-hidro di seluruh tanahair. Kita sedang menjalankan lebih kurang 5 projek hidro di Negeri Sarawak dan di Negeri Sabah dan di Semenanjung ada juga tiga atau empat buah projek. Ini tidak termasuk dalam projek-projek seperti apa yang saya katakan tadi. Walau bagaimanapun, projek-projek dan pembinaan mini-hidro sedang dalam proses sekarang.

#### PASPORT ANTARABANGSA MALAYSIA - BANTERAS PENJUALAN

2. **Tuan David Yeoh Eng Hock** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada sindiket yang terlibat dalam penjualan passport antarabangsa Malaysia telah dikenalpasti sebab jika tidak dikawal boleh mendatangkan akibat yang buruk terhadap rakyat kita yang sering berkunjung ke luar negeri.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Megat Junid bin Megat Ayob]:** Tuan Yang di-Pertua, pihak Polis setakat ini telah berjaya membanteras tiga sindiket yang terlibat dalam kegiatan pemalsuan dan penjualan Passport Antarabangsa Malaysia. Pihak Polis sentiasa mengawasi kegiatan ini agar ianya dapat dikawal dan dibendung.

**Tuan Ng Peng Hay:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini ramai pemegang pasport Malaysia apabila pulang dari Taiwan, khususnya rakyat Malaysia yang telah melebihi tempoh mereka duduk di Taiwan yang dibenarkan oleh Kerajaan Taiwan, pasport mereka telah ditahan di pintu masuk Lapanganterbang Antarabangsa Subang. Adakah tindakan daripada Pegawai-pegawai Imigresen menahan Pasport-pasport ini berkaitan dengan siasatan penjualan pasport?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, seseorang yang keluar daripada negara ini dan pergi ke luar negeri dan apabila mereka telah melakukan sesuatu kesalahan di negeri tersebut, ia merupakan telah mencemarkan nama baik negara. Dengan sebab itu, apabila mereka pulang, pasport mereka terpaksa kita ambil dan siasatan akan dibuat mengapakah mereka sanggup mencemarkan nama baik negara kita.

#### SIARAN RANCANGAN MERAH

3. Tuan C. Krishnan minta Yang Berhormat Menteri Penerangan menyatakan sama ada Kementeriannya bercadang untuk menggunakan masa siaran sebanyak 18 jam untuk menyiarkan Rancangan-rancangan Pembangunan dan lain-lain variety kerana buat masa sekarang para pendengar tidak puas hati dengan rancangan-rancangan Rangkaian Merah yang hanya menyiarkan rancangan lagu.

27.2.91

2. Tuan C. Krishnan minta Yang Berhormat Menteri Penerangan menyatakan adakah Menteri sedar pembatalan siaran-siaran kawasan radio enam (Rangkaian Merah.) telah menimbulkan kesan-kesan buruk di mana maklumat-maklumat pembangunan tidak dapat disalurkan kepada masyarakat India di luar bandar. Adakah siaran-siaran kawasan dikekalkan seperti dahulu.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Dato' Haji Fauzi bin Abdul Rahman):** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana soalan Yang Berhormat Tuan C. Krishnan pada 27.2.91 adalah berkaitan dengan perkara yang sama, saya mohon izin agar memberi jawapan pada soalan itu bersama-sama dengan soalan beliau pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, kandungan siaran Radio Enam yang dahulunya dikenali sebagai Rangkaian Merah adalah seperti berikut:-

- (i) Hiburan - 65%
- (ii) Berita Ehwat Semasa - 10%
- (iii) Ehwat Awam & Pembangunan - 15%
- (iv) Agama dan Drama - 10%

Pecahan tersebut menolak dakwaan bahawasanya Rangkaian Radio 6 hanya menyiarkan lagu semata-mata. Siaran Radio 6 memang mempunyai kepelbagaian atau variety, dengan izin, membekalkan masa sebanyak 35% daripada masa siarannya bagi rancangan-rancangan berbentuk pendidikan dan maklumat. Jika dibandingkan dengan rangkaian yang lain seperti Radio 4 dan Radio 5 dengan masa hiburannya sebanyak 70% bagi Radio 4 dan 75% bagi Radio 5, masa hiburan Radio 6 sebanyak 65% adalah lebih rendah.

Tuan Yang di-Pertua, siaran Radio 6 dirancangan sedemikian rupa adalah memenuhi selera pendengar. Dari kajian yang diperolehi pendengar lebih menggemari rancangan-rancangan hiburan. Bagaimanapun, di dalam rancangan-rancangan hiburan RTM tetap tidak mengabaikan tanggungjawabnya untuk memaklum dan mendidik pendengarnya melalui mesej-mesej, maklumat-maklumat dan lain-lain bahan penerangan yang disiarkan dalam bentuk capsule.

Cara ini adalah didapati lebih berkesan dalam menyampaikan sesuatu mesej kepada sasaran yang ditujukan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, golongan yang berpendapatan rendah sangat bergantung kepada media elektronik Kerajaan seperti radio untuk mendapat hiburan yang termampu oleh mereka. Oleh kerana Kementerian Penerangan tidak berhasrat untuk menafikan golongan yang berpendapatan rendah ini seperti masyarakat Malaysia keturunan India di ladang-ladang dan di tempat-tempat yang terpencil maka siaran hiburan yang diselitkan dengan maklumat-maklumat serta pendidikan adalah dirasai wajar diteruskan.

Berkenaan dengan soalan siaran tempatan Radio 6, sukacita saya memaklumkan bahawasanya ianya bertujuan diselaraskan dengan satu dasar iaitu memusatkan penyiaran radio rangkaian-rangkaian seperti Radio 4, Radio 5 dan Radio 6. Bagi tujuan untuk meningkatkan mutu keberkesanan siaran supaya ianya lebih efficient dan productive serta penyiarannya lebih menyeluruh. Cara sedemikian tidak menimbulkan kesan-kesan buruk, malahan adalah lebih berkesan bagi menyampaikan maklumat-maklumat pembangunan kepada pendengarnya di luar bandar.

## SUKAN NEGARA - PERUNTUKAN WANG

4. Puan Hajah Rosnah binti Haji Mohd Salleh minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan apakah ada peruntukan wang atau benda/alat-alat kepada negeri-negeri untuk meningkatkan lagi mutu sukan negara di seluruh Malaysia.

**Menteri Belia dan Sukan [Tuan Haji Annuar bin Musa]:** Tuan Yang di-Pertua, sememangnya Kerajaan memang mengadakan peruntukan wang dan lain-lain program pembangunan bagi kemajuan sukan di peringkat negeri-negeri. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sepertimana pada tahun lalu, dalam tahun ini Kerajaan memperuntukkan \$10 juta untuk pelbagai program, projek-projek kecil sukan di luar bandar yang akan diperaku dan ditadbirkan oleh Kementerian Belia dan Sukan. Selain daripada itu, bantuan juga diberikan kepada negeri-negeri bergantung kepada program-program dan cadangan pembangunan kemudahan infrastruktur sukan dalam negeri masing-masing dan ini tertaklukkan kepada permohonan-permohonan yang dibuat oleh Kerajaan-kerajaan Negeri yang berkenaan.

Di samping itu, Kementerian Belia dan Sukan melalui Majlis Sukan Negara juga turut membantu Kerajaan Negeri dalam pembiayaan kos yang terlibat, terutamanya dalam program sukan yang dianjurkan seperti SUKMA. Sebagai contoh, dalam tahun 1990, Majlis Sukan Negara telah membelanjakan kira-kira \$1.1 juta bagi pembiayaan sebahagian daripada pegawai-pegawai yang menyertai SUKMA di Sarawak. Selain daripada itu juga, Tuan Yang di-Pertua, menerusi Majlis Sukan Negara, peruntukan juga disediakan untuk diberikan bantuan kepada Majlis Sukan Negeri di mana Majlis Sukan Negeri dibantu untuk memperkemaskan pentadbiran dan pengurusan di peringkat negeri



masing-masing. Di bawah bantuan ini pada tahun 1990, untuk makluman, Majlis Sukan Negara telah mengeluarkan peruntukan sebanyak \$328,446. Perbelanjaan ini termasuklah gaji Pegawai-pegawai Kemajuan Sukan Negeri, Pegawai Penyelaras, elaun Setiausaha Kerja dan, bantuan pelancaran pejabat ataupun urusetia Majlis Sukan Negeri.

Majlis Sukan Negara juga, Tuan Yang di-Pertua, melaksanakan program pembangunan sukan, termasuk Program Tunas Cemerlang di semua negeri di seluruh negara. Ia merupakan penubuhan pusat-pusat latihan bagi atlit-atlit yang dipilih antara umur 12-14 tahun dan ditempatkan di sekolah-sekolah yang dipilih dalam negeri yang berkenaan. Pusat-pusat latihan ini disediakan dengan pelbagai kemudahan dan peralatan, dan untuk makluman, dalam tahun 1990 sahaja sebanyak \$557,488.49 telah dibelanjakan untuk program ini.

#### KESELAMATAN NELAYAN TEMPATAN DI LAUTAN DALAM

5. **Tuan Dol bin Dolah** minta Menteri Pertanian menyatakan apakah langkah-langkah keselamatan yang akan dilaksanakan terhadap nelayan-nelayan kita yang terdedah kepada peras ugut dan rompak di lautan dalam dan adakah Kementerian memikirkan untuk membekalkan alat-alat hubungan komunikasi di atas bot-bot mereka.

**Timbalan Menteri Pertanian [Dato' S. Subramaniam]:** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjaga keselamatan para nelayan tempatan di laut dari diperas ugut ataupun dirompak di laut, pihak agensi penguatkuasaan maritim yang terdiri dari Tentera Laut Polis Marin dan Jabatan Perikanan telah meningkatkan lagi rondaan di laut. Di samping itu juga, operasi-operasi bersama diadakan-dari masa ke masa untuk menjamin yang perairan negara bebas dari kegiatan lanun. Semua bot yang disyaki akan dipintas dan tindakan sewajarnya diambil.

Sehubung dengan ini, walaupun kejadian-kejadian rompakan dan peras ugut selalu diberkatakan tetapi jumlah kes yang dilaporkan adalah kecil. Dalam tahun 1989, sebanyak 29 kejadian rompakan dilaporkan kepada Kementerian Pertanian dan dalam tahun 1990 pula ialah sebanyak 28 kejadian. Oleh kerana kejadian-kejadian yang dilaporkan itu melibatkan bot-bot negara asing, pihak Kerajaan telah mengambil tindakan sewajarnya melalui saluran diplomatik.

Mengenai alat hubungan atau komunikasi, adalah dimaklumkan. Jabatan Perikanan sememangnya menggalakkan pengusaha-pengusaha bot laut dalam memasang wireless di atas bot mereka supaya mereka boleh menghubungi agensi penguatkuasa, khasnya Jabatan Perikanan apabila memerlukan bantuan. Untuk tujuan tersebut, Jabatan Perikanan telah mengadakan satu saluran atau frequency khas bernombor 5802 untuk kegunaan nelayan setiap masa. Nelayan-nelayan boleh menghubungi Pusat Kawalan Operasi Jabatan Perikanan 24 jam melalui saluran tersebut. Apabila mendapat maklumat dari nelayan-nelayan, Jabatan Perikanan akan menghubungi semua agensi penguatkuasaan dengan sertamerta untuk tindakan. Selain dari itu, Jabatan Perikanan sedia membantu nelayan-nelayan yang terlibat dari segi nasihat teknikal berkaitan dengan perkara ini.

**Dato' Azumu bin Tak:**Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di antara perompak-perompak dan pemerias-pemerias ugut ini, adakah mereka itu rakyat kita atau keseluruhannya rakyat daripada negara jiran?

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, seperti saya sebutkan dalam jawapan asal ini, semua kes yang dilaporkan adalah melibatkan bot-bot negara asing.

**Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth:**

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah mencukupi kapal-kapal rondaan mahu pun daripada Tentera Laut DiRaja ataupun Polis ataupun Kastam, Imigresen dan sebagainya untuk mengawal kawasan yang begitu luas kalau kita hendak mengambilkira EEZ yang 200 batu jauhnya itu? Dan kalau kita timbangkan insiden-insiden yang telah melakukan itu, adakah kemungkinan yang kita kekurangan kapal yang secukupnya untuk menjalankan tugas-tugas itu? Kalau ya, saya ingat patut sangat Kerajaan mengambil berat mengadakan kapal-kapal yang tertentu. Terima kasih.

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan tambahan itu adalah difikirkan oleh Kementerian Pertanian dan juga pihak-pihak berkuasa lain seperti Tentera Laut, Polis Marin dan juga oleh pihak penguatkuasa di Jabatan Pertanian bahawa kapal-kapal yang sedia ada untuk menjalankan rondaan adalah mencukupi. Dalara tahun-tahun kebelakangan ini, umpamanya dalam tahun 1989, sebanyak 132 kes tangkapan bot asing telah dilakukan. Ini bermakna bahawa rondaan yang sedang dijalankan adalah mencukupi untuk menjaga perairan Malaysia.

**Puan Hajah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah yang dibuat kepada bot-bot asing yang telah ditangkap dan adakah benar bot-bot ini dimusnahkan iaitu dibakar?

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, bot-bot yang ditangkap adalah disimpan oleh Kementerian Pertanian sehingga kes terhadap mereka yang menjalankan kegiatan itu dituduh di mahkamah. Selepas itu, Kementerian dari masa ke semasa memberi bot-bot ini kalau diminta oleh agensi-agensi Kerajaan. Selain dari itu, kita tidak menjual bot-bot ini walaupun ada ramai dari orang swasta yang ingin membeli bot-bot ini. Ini adalah sebab oleh kerana mereka yang membeli disyaki bahawa mereka akan bawa balik bot-bot ini kepada negara-negara yang asal dari mana bot-bot ini datang.

**TRAGEDI MEMALI - ULANGTAHUN**

6. **Tuan Saidin bin Mohamad** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah Kerajaan memandang perayaan-perayaan atau majlis-majlis yang dianjurkan oleh sesuatu badan atau pertubuhan bagi memperingati sesuatu tragedi tidak memberi kesan buruk kepada negara contohnya majlis menyambut ulangtahun tragedi Memali.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Megat Junid bin Megat Ayob]:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar tentang adanya beberapa pihak yang menganjurkan majlis-majlis memperingati sesuatu tragedi dari masa ke semasa. Pada amnya majlis-majlis sedemikian mempunyai tujuan yang baik. Namun demikian terdapat sebilangan kecil pihak-pihak tertentu yang menganjurkan majlis memperingati sesuatu tragedi yang membawa kesan negatif dan ianya semata-mata untuk kepentingan pihak yang berkenaan sahaja. Kerajaan sentiasa mengawasi dan berwaspada terhadap perkembangan ini dan tindakan sewajarnya mengikut undang-undang akan diambil jika sekiranya majlis-majlis yang diadakan itu bertindak liar dan di luar batas undang-undang.

**KERJASAMA SOSIO-EKONOMI ANTARA MALAYSIA DAN THAILAND**

7. **Tuan Dahalan bin Haji Embun** minta Perdana Menteri menyatakan sejauhmanakah pencapaian kerjasama pelaksanaan projek-projek sosio-ekonomi di sempadan Malaysia-Thailand setakat ini.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini hubungan kerjasama sosio-ekonomi antara Malaysia dan Thailand adalah baik dan menggalakkan.

Beberapa jawatankuasa di peringkat Pusat dan Negeri telah ditubuhkan bagi tujuan mengenalpasti dan melaksanakan usaha-usaha kerjasama di bidang sosio-ekonomi yang boleh dimanfaatkan bersama. Usaha-usaha kerjasama ini telah berjaya meningkatkan taraf hidup rakyat di kawasan sempadan. Banyak peluang-peluang pekerjaan baik dalam bidang pertanian mahupun perniagaan dapat diwujudkan.

Selain daripada itu interaksi penduduk antara kedua buah negara sentiasa dipertingkatkan dari masa ke semasa selaras dengan dasar kerjasama yang diamalkan selama ini. Dengan yang demikian, keselamatan di kawasan-kawasan sempadan dua negara sentiasa terjamin.

**Jen (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah rancangan Kerajaan untuk mengadakan lapangan terbang yang boleh mengandungi fixed wing aircraft, dengan izin, dan juga helikopter di kawasan sempadan itu? Maksud saya ini sangat berguna kalau-kalaulah pada masa akan datang satu-satu kejadian akan berlaku lagi seperti emergency yang lalu. Ini sangat-sangat berguna kepada pasukan keselamatan.

Yang keduanya, ada juga baiknya dan saya percaya dan berharap ada rancangan dari Kerajaan untuk mengadakan FELDA Scheme atau seumpamanya yang mana saya syorkan sangat kepada Persatuan Bekas Perajurit dan juga Bekas Polis DiRaja. Kalau ada ditempatkan di situ, boleh juga mereka itu menjadi sebagai the eyes and ears, dengan izin, di kawasan itu.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Kerajaan Thailand sendiri akan membangunkan kawasan Selatan Siam dengan begitu pesat dan akan membina beberapa pelabuhan dan juga lapangan terbang, jadi perkara yang pertama yang dipersoalkan oleh Yang Berhormat itu bolehlah dipergunakan untuk tujuan tersebut.

Bagi soalan kedua, oleh kerana wujud jawatankuasa-jawatankuasa kerja di peringkat negeri atau provinsi mengenalpasti projek-projek yang boleh diusahakan untuk manfaat kedua-dua negara dan bagi pihak negeri-negeri di Malaysia yang bersempadan dengan sempadan, perkara ini boleh dipertimbangkan setelah semua booby traps, dengan izin, telah dikenalpasti dan telah dimusnahkan untuk dibangunkan projek-projek untuk bekas perajurit sepertimana yang telah diperkatakan oleh Yang Berhormat tadi.

#### PELABURAH TEMPATAN DAN ASING - FAEDAH NEGARA

8. **Puan Law Jack Yoon** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan berhubung dengan kejayaan usaha-usaha Kerajaan yang menghasilkan pelaburan sebanyak \$25.5 bilion di dalam negara kita, satu rekod yang cemerlang dalam tempoh masa 9 bulan yang lalu, bagaimana pelaburan itu menguntungkan negara kita khususnya rakyat jelata kita.

**Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Seri Rafidah Aziz]:** Taan Yang di-Pertua, kejayaan Kerajaan di dalam menarik pelaburan dalam projek-projek yang diluluskan sebanyak \$25.5 juta dalam tahun tempoh 9 bulan pertama tahun 1990 dan sebanyak \$28,100 juta untuk seluruh tahun 1990 akan memberi antara lain faedah-faedah berikut:

- (1) Mewujudkan peluang-peluang pekerjaan berikutan dengan peningkatan dalam pelaburan. Permintaan tambahan bagi pekerja-pekerja akibat peningkatan dalam pelaburan akan menguntungkan pekerja-pekerja kerana mereka akan menerima gaji yang setaraf dengan tahap produktiviti mereka. Bagi tahun 1990, sebanyak 906 projek telah diluluskan dan projek-projek ini dijangka akan mewujudkan sebanyak 159,759 peluang pekerjaan.
- (2) Buat masa kini, pelaburan dari pihak swasta telah menyumbangkan sebanyak 23% kepada Keluaran Negara Kasar berbanding dengan 15% pada tahun 1986. Ini adalah selaras dengan dasar Kerajaan supaya pihak swasta menjadi jentera pertumbuhan ekonomi. Dengan penglibatan pihak swasta dalam sektor pelaburan, Kerajaan dapatlah mengalihkan sumber-sumber kewangannya kepada membiayai projek-projek sosial dan pembangunan untuk rakyat seperti pembinaan hospital, sekolah dan jalanraya.
- (3) Peningkatan pelaburan khasnya di sektor perindustrian telah menyumbangkan kepada pembangunan ekonomi negara. Bagi tahun 1990, Keluaran Dalam Negeri Kasar dijangka tumbuh sebanyak 9.5% berbanding dengan 8.8% pada tahun 1989. Berikutan dengan pertumbuhan dalam Keluaran Dalam Negeri Kasar pendapatan per kapita dijangka meningkat kepada \$6,150 pada tahun 1990 dari \$5,558 pada tahun 1989. Peningkatan dalam aktiviti ekonomi akibat peningkatan pelaburan akan memberi faedah kepada semua rakyat.
- (4) Pelaburan asing juga akan memberi beberapa faedah kepada

rakyat tempatan seperti pemindahan teknologi dan kepakaran juga access, dengan izin, kepada pertalian pasaran antarabangsa, menggalakkan pertumbuhan industri-industri sokongan tempatan dan juga penubuhan kemudahan research and development, dengan izin, di peringkat tempatan.

**Puan Hajah Rogayah binti Che Mat:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dari jumlah pelaburan-pelaburan \$25.5 bilion ataupun \$28 ribu juta lebih yang dicadangkan itu, berapa banyak yang sudah beroperasi dan negeri-negeri manakah yang menjadi tumpuan pelaburan berkenaan?

**Dato' Seri Rafidah Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana permohonan-permohonan ini baru sahaja diluluskan dalam tahun 1990, saya rasa belum ada yang beroperasi kerana akan mengambil masa, tetapi saya yakin dalam tahun 1991 ini akan mula beroperasi sebahagian daripadanya.

**Tuan Ng Peng Hay:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, Tahniah diucapkan kepada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Memandangkan kebanyakan pelabur-pelabur asing di negara ini adalah datang daripada pelabur-pelabur Taiwan, adakah Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri akan mencadangkan kepada Kerajaan Pusat untuk mengecualikan permohonan visa kepada pelabur-pelabur Taiwan semasa mereka melawat ke negara kita?

**Dato' Seri Rafidah Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, perkara visa antara negara Taiwan dan Malaysia telahpun diselaraskan dan banyak kemudahan dan fleksibiliti telahpun diberi memandangkan kepada kemasukan yang banyak pelabur Taiwan. Jadi, saya rasa tidak perlulah ada kelonggaran-kelonggaran selebih daripada itu.



**Tuan Dahalan bin Haji Embun:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada jumlah pelaburan sebanyak \$25.5 bilion tadi, saya ingin tahu berapa banyakkah modal daripada luar yang masuk ke sini dan berapa banyakkah modal pinjaman daripada tempatan?

**Dato' Seri Rafidah Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, daripada jumlah saya sebutkan tadi, sebanyak \$17.629 ribu juta adalah daripada modal asing, dan sebanyak \$10.537 ribu juta ialah daripada modal tempatan. Kalau hendak mengikut pinjaman, pinjaman tempatan ialah sebanyak \$13,280 juta.

#### PELAJARAN BAHASA INGGERIS DI SEKOLAH-SEKOLAH - TARAF

9. **Tuan V.K. Sellappan** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh Kementerian Pendidikan untuk menaikkan taraf bahasa Inggeris di kalangan pelajar-pelajar; dan
- (b) adakah Akta Pendidikan yang akan dibentangkan memberi keutamaan kepada bahasa Inggeris di sekolah-sekolah Kerajaan dan swasta.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Dr. Leo Michael Toyad]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan sentiasa berusaha untuk meningkatkan taraf pelajaran bahasa Inggeris di semua sekolah rendah dan menengah di seluruh negara kita. Di antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Pendidikan untuk meningkatkan taraf pelajaran bahasa Inggeris, kita mengadakan penambahan bilangan guru yang terlatih dalam pengajaran bahasa Inggeris di sekolah-sekolah.

Kita juga memberi kursus dalam perkhidmatan untuk meningkatkan kemahiran guru-guru bahasa Inggeris. Kita mengeluarkan bahan-bahan pual serta menyediakan program-program melalui radio dan TV Pendidikan. Usaha kita untuk merancang dan menyelaraskan program-program bahasa Inggeris di sekolah melalui Jawatankuasa Perancangan dan Penyelarasan Program bahasa Inggeris di sekolah. Kita juga berusaha untuk memperkenalkan pelajaran Kesusasteraan dalam bahasa Inggeris melalui program 'Class Readers'<sup>1</sup> yang bertujuan untuk mempertingkatkan pemahaman dan penguasaan bahasa Inggeris di samping menanamkan minat membaca di kalangan pelajar. Kita membekalkan juga 'Nota Panduan Pengajaran' dan buku panduan bagi guru untuk membantu guru-guru kita menyediakan aktiviti-aktiviti menarik yang banyak melibatkan bertutur dan menulis dalam bahasa Inggeris.

Kita berusaha untuk menambah pengetahuan guru melalui penerbitan 'Jurnal Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa'. Usaha untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti bahasa Inggeris seperti kegiatan drama, syarahan, bercerita, membaca dan sebagainya. Kita juga menjalankan penyeliaan dan pengawasan yang berterusan khasnya di sekolah-sekolah luar bandar. Kita juga ada menjalankan satu penilaian formatif bagi tujuan mengesan dan juga mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar, guru-guru dan pentadbir pendidikan bahasa Inggeris.

Untuk soalan kedua, Akta Pendidikan yang baru mencadangkan peruntukan bagi bahasa Inggeris supaya dijadikan matapelajaran teras di dalam Kurikulum Kebangsaan dan dengan itu bahasa Inggeris merupakan bahasa kedua selepas Bahasa Kebangsaan dan dijadikan matapelajaran wajib di sekolah dan semua institusi pendidikan.

**ROKOK KRETEK - KEMASUKAN SECARA HARAM**

10. **Puan Hajah Habidah binti Jusoh** minta Menteri Kewangan menyatakan:-

- (a) apakah usaha Kerajaan bagi mencegah kemasukan rokok kretek secara haram ke negara ini yang lebih berkesan, sebab kita lihat sejak akhir-akhir ini sungguh banyak kemasukan rokok-rokok tersebut ke negara kita; dan
- (b) tidakkah Kerajaan mengadakan lawatan ke negara jiran untuk berunding dengan pengusaha-pengusaha di sana bagi mencari jalan untuk membawa masuk melalui kastam atau mengadakan kilang di sini.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Loke Yuen Tow]:** Tuan Yang di-Pertua, di antara usaha Kerajaan melalui Jabatan Kastam dan Eksais Diraja bagi mencegah kemasukan rokok kretek secara haram ke negara kita ini adalah seperti berikut:-

- (i) mengada dan menambahkan lagi kekerapan rondaan darat dan laut. Kedua-dua rondaan ini dijalankan di seluruh negara di Semenanjung, Sabah dan Sarawak;
- (ii) mengadakan sekatan jalan raya terutama di jalan-jalan yang dikenalpasti menjadi laluan penyeludupan.
- (iii) mengadakan pemeriksaan mengejut ke atas premisi stor-stor, dan kawasan yang disyakki digunakan sebagai tempat simpanan rokok seludup;
- (iv) mengadakan kempen kesedaran mencegah penyeludupan kepada orang awam di seluruh negara; dan
- (v) menubuhkan Jawatankuasa /Bertindak Bersama Mencegah Penyeludupan Rokok yang dianggotai oleh Jabatan Kastam, Polis, Gabungan Pengilang-Pengilang Tembakau Malaysia dan Jabatan Imigresen. Ini adalah bertujuan untuk mengenal-pasti dan membincangkan langkah-langkah berkesan untuk mencegah penyeludupan rokok.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan (b), Kerajaan tidak ada

membuat lawatan untuk berunding dengan pengusaha-pengusaha rokok kretek di Indonesia bagi mencari jalan untuk membawa masuk rokok tersebut melalui Kastam ataupun mengadakan kilang di sini.

#### UNIFORM POLIS WANITA - PELAKSANAAN

11. **Puan Hajah Asmah binti Haji Ismail** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilakah pelaksanaan sepenuhnya akan dikuatkuasakan terhadap uniform polis wanita yang akan memakai seluar panjang dan baju jaket kerana ini mustahak dari segi penerapan nilai-nilai Islam di negara ini.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan masih mengkaji tentang cadangan untuk menukarkan pakaian seragam polis khususnya anggota wanita supaya ia lebih menepati dengan keadaan semasa serta bersesuaian dengan Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam di negara ini.

#### DASAR PERUMAHAN NEGARA

12. **Tuan Shuib bin Endut** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan tentang langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mewujudkan sebuah Dasar Perumahan Negara.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Dasar Perumahan bagi negara kita telahpun wujud. Secara langsung Dasar Perumahan digubal bertujuan untuk memberi panduan kepada pembangunan perumahan pada masa akan datang. Aspek-aspek utama yang terkandung dalam dasar ini merangkumi keperluan perumahan, jenis rumah yang akan dibina, harga, penggunaan tanah dan pelan sektor awam dan swasta dalam pembangunan perumahan. Dasar ini juga bertujuan untuk menyeragamkan semua dasar, peraturan dan syarat-syarat yang berkaitan dengan perumahan yang pada masa ini berbeza di antara satu negeri dengan negeri yang lain.

Secara langsung ianya berasaskan konsep habitat di mana perumahan adalah dianggap sebagai satu keperluan asas sosial dan program perumahan telah dirangka dengan tujuan memastikan bahawa semua rakyat Malaysia terutama golongan berpendapatan rendah mempunyai peluang untuk menikmati kemudahan perumahan dan keperluan

yang berkaitan seperti menyediakan kemudahan sosial yang mencukupi dan meninggikan mutu kehidupan serta mewujudkan perpaduan negara. Penekanan akan diberi kepada penyediaan kemudahan sosial seperti sekolah, klinik dan dewan orang ramai di samping penyediaan kemudahan asas infrastruktur dan pengwujudan peluang-peluang ekonomi. Pelaksanaan konsep ini memerlukan penyediaan pelan-pelan struktur bagi memastikan kemudahan di atas disediakan apabila pembangunan perumahan dilaksanakan.

Dalam Rancangan Malaysia Kelima, penekanan telah diberi kepada pembinaan unit-unit rumah yang sesuai dan bermutu serta mampu dibeli oleh semua peringkat pendapatan. Unit-unit rumah untuk disewa disediakan khususnya di bandar-bandar utama. Beberapa langkah telahpun diambil bagi mempercepatkan program perumahan termasuklah mewujudkan sebuah tabung pusingan sebanyak \$20 juta untuk setiap negeri untuk membiayai kerja-kerja awal seperti pengambilan balik tanah dan pembangunan infrastruktur. Tabung pusingan ini diwujudkan bagi membolehkan Kerajaan-kerajaan Negeri meluluskan pelaksanaan projek-projek perumahan kos rendah sementara menunggu pinjaman dari Kerajaan Persekutuan.

Selain dari itu pembinaan cara sistem pasang-siap telah diperkenalkan secara meluas dan juga latihan telah diberi kepada pekerja-pekerja pembinaan. Peraturan Undang-undang Kecil (Bangunan Yang Seragam) telah juga diluluskan oleh Parlimen pada tahun 1985 bertujuan untuk menyeragamkan dan mengemaskinikan undang-undang yang berkaitan dengan bangunan. Selain daripada langkah-langkah di atas beberapa kegiatan penyelidikan dan kajian telah dijalankan oleh Kerajaan dan institusi-institusi swasta terutama mengenai rekabentuk rumah dan sistem pembinaan. Beberapa jenis pelan rumah kos rendah

dan sederhana telah dibentuk untuk kegunaan pemaju-pemaju di kedua-dua sektor awas dan swasta. Langkah-langkah akan terus diambil untuk mengurangkan pembangunan perumahan yang terlalu padat di kawasan bandar bagi mengelakkan kesesakan dalam kawasan bandar. Pembangunan-pembangunan perumahan ini ditumpukan di kawasan-kawasan pinggir bandar sejajar dengan matlamat untuk mengurangkan penumpuan ekonomi di suatu tempat dan memperbandarkan kawasan luar bandar.

Dasar Perumahan juga menyarankan penglibatan sektor swasta di dalam bidang ini selaras dengan lain-lain dasar Kerajaan seperti memajukan sektor perindustrian dan Kerajaan memberikan penekanan kepada pembinaan rumah-rumah kos rendah. Dasar-dasar asas perumahan ini sentiasa ditokok-tambah dan disesuaikan dari semasa ke semasa mengikut keadaan.

**Dato' Azumu bin Tak:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan akan mengkaji sama ada harga rumah kos rendah sekarang ini patut dilebihi ataupun dikurangkan daripada dasar yang ditetapkan pada hari ini?

**Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha:** Tuan Yang di-Pertua, dasar harga rumah kos rendah sekarang ini sentiasa dikaji-dari satu masa ke satu masa tetapi pada pandangan Kementerian, setakat ini tidak perlu dikurangkan ataupun ditambah. Walau bagaimanapun, saya berpendapat kemungkinan dasar untuk perumahan kos sederhana rendah perlu difikirkan memandangkan di dalam pelaksanaan Dasar Perumahan Kos Rendah hampir dapat kita jayakan tetapi untuk rumah kos sederhana rendah, memerlukan pembinaan yang lebih banyak dan kemungkinan ini akan menjadi matlamat kita dalam Rancangan Malaysia Keenam.

#### PERCERAIAN PERKAHWINAN

13. **Tuan P. Balaram** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapa banyakkah perceraian perkahwinan berlaku di antara tahun 1985 - 1990.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, jumlah perceraian perkahwinan yang berlaku antara tahun 1985 hingga 1990 bagi orang-orang bukan Islam ialah 4,676 kes.

**FELDA - PENEMPATAN BEKAS PERAJURIT**

14. **Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth** minta Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk membuka lebih banyak lagi Rancangan FELDA yang khas bagi menempatkan bekas-bekas perajurit sebagaimana yang dilakukan di Rancangan Tanah-FELDA Sungai Koyan II dan **III**. Ini adalah kerana jumlah anggota-anggota Angkatan Tentera Malaysia yang dianggar akan menamatkan perkhidmatan mereka adalah di antara 3,000 hingga 5,000 orang setahun.

**Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar [Tuan Mohd. Yasin bin Kamari]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak bercadang untuk mengadakan rancangan khas bagi menempatkan bekas-bekas perajurit.

Rancangan-rancangan FELDA yang baru akan diuruskan sebagai ladang syarikat dan pengambilan pekerja-pekerjanya adalah dibuat secara terbuka kepada semua calon yang layak termasuklah bekas-bekas perajurit.

**Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapa banyakkah permohonan dari bekas-bekas perajurit telah ditolak - anggaran sahaja. Maksud saya kalau sebab-sebab itu tertentu dan dapat juga disalurkan kepada Pusat Persatuan Bekas Perajurit, boleh juga pihak Pusat menolong menerangkan kerumitan yang Kerajaan mungkin ada untuk menolak permohonan itu. Terima kasih.

**Tuan Mohd.Yasin bin Kamari:** Tuan Yang di-Pertua, saya harus mohon maaf kerana tidak dapat memberikan angka sebenar yang telah ditolak dari permohonan bekas-bekas perajurit kepada FELDA. Namun untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa penolakan-penolakan bekas-bekas perajurit kepada permohonan-permohonan ke FELDA adalah

didasarkan kepada syarat-syaratnya serupa juga dengan pemohon-pemohon yang lain.

Bagi soalan yang kedua, insya Allah pihak FELDA akan sentiasa memberikan perhatian yang sama istimewanya kepada Persatuan Bekas-bekas Perajurit di dalam usaha-usaha untuk pengambilan peserta-peserta FELDA untuk masa-masa akan datang ini, insya Allah.

#### JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN KEMAJUAN KAMPUNG

15. **Dato' Azumu bin Tak** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk memberi kemudahan pemberian alat-alat pejabat dan kakitangan sepenuh masa untuk Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung di seluruh negara memandangkan fungsi mereka berat dan bertambah di masa ini.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha]:** Tuan Yang di-Pertua, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) adalah terletak di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri. Segala pemberian kemudahan bagi JKKK adalah juga diberi oleh Kerajaan Negeri mengikut kemampuan Kerajaan-kerajaan Negeri tersebut.

Kerajaan Persekutuan sentiasa menggalakkan supaya JKKK diberi kemudahan yang sepatutnya bagi membolehkan institusi ini melaksanakan tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan kepadanya.

Berhubung dengan penempatan kakitangan sepenuh masa, Kerajaan tidak menggalakkan perkara ini kerana ianya melibatkan kos yang besar memandangkan bilangan JKKK yang banyak di seluruh negara. Lagipun JKKK boleh menggunakan kemudahan pengurusan di Kompleks Penghulu, Pejabat Daerah dan Jabatan-jabatan Pelaksana di daerah bagi mendapatkan khidmat nasihat dan rujukan. Di samping itu bagi meningkatkan kemahiran pengurusan JKKK, Kerajaan mempunyai program



latihan untuk melatih ahli-ahli JKKK dan juga Program-program Lawatan Sambil Belajar dari masa ke semasa.

Kerajaan juga menggalakkan penduduk tempatan yang mempunyai pengetahuan memberi sumbangan tenaga bakti secara sukarela untuk memajukan kampung-kampung masing.

**Puan Hajah Habidah binti Jusoh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak Kerajaan menyedari ada di antara JKKK yang tidak menjalankan tugasnya sebagai JKKK, dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan terhadap JKKK tersebut?

**Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:** Tuan Yang di-Pertua, seperti jawapan asal saya, JKKK ini ialah di-pertanggungjawabkan oleh Kerajaan Negeri, jadi Kerajaan Negeri akan mengambil tindakan jikalau ada komplek-komplek yang ahli-ahli JKKK tidak menjalankan tugas yang sebenarnya.

#### JABATAN PERKHIDMATAN AWAM - JUMLAH TENAGA BURUH

16. **Tuan David Yeoh Eng Hock** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) jumlah tenaga buruh dalam Jabatan Perkhidmatan Awam; dan
- (b) setakat manakah saiz tenaga buruh ini telah dikurangkan sejak beberapa jabatan dan agensi Kerajaan diswastakan.

**Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:** Tuan Yang di-Pertua, jumlah tenaga buruh atau IMG di Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) pada tarikh 1hb, Disember, 1990 ialah seramai 51 orang. Keseluruhan tenaga kerja JPA dari segi bilangan pegawai, jawatan dan kakitangan adalah berjumlah 2,738.

Sekiranya bagi soalan ini Yang Berhormat bermaksud untuk

mendapat makluman mengenai keseluruhan tenaga buruh dalam Perkhidmatan Awam, jumlah jawatan awam tidak termasuk Polis dan Tentera adalah berjumlah 817,234 jawatan. Dari jumlah ini 86,154 adalah Kumpulan A, 52,188 dalam Kumpulan B, 301,957 dalam Kumpulan C dan 376,935 dalam Kumpulan D. Dengan pelaksanaan Dasar Penswataan beberapa agensi dan fungsi Perkhidmatan Awam, saiz Perkhidmatan Awam telah dapat dikurangkan.

Setakat ini agensi dan fungsi yang telah diswastakan termasuk:

Syarikat Telekom Malaysia	-	28,983	jawatan	
Terminal Kontena Pelabuhan Kelang	-	801	"	
Depoh Baikpulih Kapal terbang TUDM (AIROD)	-	225	"	
Projek Lebuhraya Utara-Selatan	-	720	"	
Lembaga Letrik Negara (LLN)	-	<u>25,200</u>	"	
Jumlah		55,929	"	Dari
		=====		

jumlah tersebut sejumlah 38,403 jawatan iaitu kira-kira 68.65% adalah merupakan jawatan dalam katerogri D.

#### JALAN KUALA PERLIS KE SATUN, THAILAND

17. **Tuan Dahalan bin Haji Embun** minta Menteri Kerja Raya menyatakan adakah Kerajaan Persekutuan bercadang untuk membina sebatang jalan yang akan menyambung di antara Kuala Perlis ke Satun, Thailand melalui Bukit Putih, Kuala Perlis dan membuka satu lagi pintu masuk bagi Malaysia/Thailand.

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Peter Tinggom anak Kamarau]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Kerajaan Persekutuan belum lagi bercadang untuk membina jalan menghubungkan Kuala Perlis dengan Satun di Selatan Thai sebagai salah satu lagi pintu masuk ke negara ini sepertimana yang dicadangkan itu. Adalah didapati bahawa jalan masuk yang sedia ada melalui Padang Besar dan Kuala Perlis (melalui laut) adalah memadai.

**PEJABAT DAERAH - PERLANTIKAN PEGAWAI INDIA**

18. **Tuan P. Balaram** minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk melantik pegawai-pegawai India di setiap Pejabat Daerah di seluruh negara untuk menjaga hal-hal kaum India khususnya pekerja-pekerja India dari estet-estet sepertimana kita dapat pegawai-pegawal Cina di Pejabat-pejabat Daerah untuk menjaga hal-hal kampung baru.

**Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang untuk melantik pegawai-pegawai India di setiap Pejabat Daerah di seluruh negara untuk menjaga hal-hal kaum India khususnya pekerja-pekerja India di estet-estet kerana Kerajaan berpendapat ini tidak perlu. Kerajaan telah mengadakan jentera tertentu untuk mengawasi perkara yang dibangkitkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak menetapkan pegawai Cina di Pejabat Daerah khas untuk menjaga hal-hal kampung baru.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, kesemua soalan telahpun dijawab.

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1991****Bacaan Kali Yang Kedua**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (18hb Februari, 1991)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya jemput Yang Berhormat Puan Aion Ariffin menyambung ucapannya.

**3.19 ptg.**

**Puan Aion binti Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengulangi pendirian saya di sini bahawa saya bangun bagi menyambung ucapan saya dengan beberapa sentuhan dan pandangan mengenai kertas yang sedang terbentang di hadapan Dewan yang mulia ini iaitu Belanjawan 1991, DR 47/90.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah menamatkan ucapan saya semalam kerana masa ialah di tahap menyentuh B.25 iaitu Kementerian Pertahanan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang semua orang maklum bahawa Kementerian ini adalah satu Kementerian yang paling strategik yang menjadi pelindung dan penaung, pengawas dan penjaga kepada keselamatan negara keseluruhannya.

Dan kita juga telah banyak mendengar beberapa pandangan dan rungutan terutamanya daripada rakyat dan juga daripada orang ramai yang peka dengan beberapa keadaan masalah keselamatan kita terutamanya pencerobohan-pencerobohan yang berlaku di ruang udara dan di lautan hakmilik kita seperti yang telah saya sebutkan semalam.

Sebelum menyentuh atau melanjutkan ucapan saya, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada pihak Kerajaan yang wakil-wakilnya ada di Dewan pada petang ini nampaknya lebih ramai daripada semalam. Sebenarnya kami Senator-senator juga suka benar hendak bercakap dengan memandang-mandang dan didengar serta, diteliti oleh wakil-wakil Kerajaan ini iaitu sama ada Menteri, Timbalan Menteri atau Setiausaha Parlimen mereka. Dengan ini bertambahlah semangat kami bercakap, kata orang moden, ada mood hendak bercakap. Kalau tidak, kurang mood sebab bercakap dengan kerusi sahaja, terutama kalau memandang-mandang ke arah perwakilan Kerajaan. Teguran saya adalah teguran membina dan rasa kasih sayang kami serta hormat kami kepada wakil-wakil Kerajaan ini, Tuan Yang di-Pertua.

Kementerian Pertahanan - seorang sahabat saya Tan Sri Mohd. Ghazali yang mewakili bekas tentera, seorang pemimpin tentera yang telah banyak jasanya, berpengalaman bertahun-tahun di Kementerian berkenaan, menanggung beban-beban menjaga keselamatan pernah bertanyakan mengenai kawalan-kawalan alat-alat pengesan rempuhan atau alat-alat yang ditentukan untuk mengesan kehadiran musuh-musuh atau pengintip-pengintip ke negara kita sama ada di ruang udaranya

atau di ruang lautnya, mungkin di darat tidak ada alat, tetapi ada juga pengawas-pengawas. Bagaimana keadaannya dan bagaimana kedudukannya? Menteri Pertahanan, wakilnya semalam mengatakan, segala-galanya dalam kawalan dan sesungguhnya apa yang berlaku adalah satu perbuatan yang tidak sengaja.

Tuan Yang di-Pertua, peristiwa yang paling hampir sebagai contoh teladan untuk kita terus berwaspada khasnya melalui Kementerian ini ialah peristiwa Iraq mencabul hak kedaulatan Kuwait hingga berkembang menjadi peperangan di Teluk dan nampak gayanya mungkin akan mencetuskan peperangan dunia ketiga kalau pemimpin-pemimpin dari negara-negara berkenaan, negara-negara di dunia yang membangun atau yang maju tidak segera berunding atau mendesak supaya yang angkuh-angkuh itu terus berunding bagi menamatkan peperangan ini. Ertinya tidak mustahil di dalam air yang tenang ada buaya. Itulah yang saya ingin ulangi, kerana negara kita ini merupakan sebuah negara yang begitu diminati, ibarat anak dara sunti yang cantik jelita, sihat, segar-megar dan banyaklah yang berminat. Kita bimbang minat-minat ini akan membawa mereka melakukan pencerobohan-pencerobohan sulit dengan pengintipan-pengintipan - bukan kita sentimen, kita hanya waspada.

Kita faham negara jiran kita ada alat-alat ketenteraan yang di-datangkan dari satu negara lain yang suka mengacau negara lain. Saya tidak mahu menyebut apakah negara yang berkenaan, kerana semua kita understood, dengan izin, atau memahaminya. Jadi, buatlah secara sulit, tidak payahlah dilaporkan ke Dewan Negara ini kerana ini hak Kementerian itu, hak Kerajaan kita. Tidak semua strategi

pertahanan kita mesti dilaporkan kepada sesiapa sama ada di Dewan Tinggi atau Dewan Rendah kerana ini merupakan satu pendedahan yang akan menjejaskan keselamatan.

Kita faham negara kita juga punya strategi yang baik dan punya senjata-senjata yang moden, tetapi kalau bekas Jeneralnya risau, kami lebih bertambah risau kerana di hatinya atau di fikirannya, dia mengetahui kekuatan dan strategi yang ada pada kita ketika ini. Maka diharapkan Yang Berhormat Dato' Seri Najib, orang muda yang nampak perkasa akan sensitif atau peka dalam hal yang berkenaan selain daripada menambah bilangan ketenteraan-ketenteraan kita. Namun begitu, kita mengucapkan syabas juga kepada Kementerian ini yang telah banyak memberi perhatian kepada anggota-anggota keselamatan ataupun kepada tentera-tenteranya sama ada Tentera Darat, Tentera Laut dan Tentera Udaranya. Kalau dahulu mereka ini tidak begitu diperendahkan dari segi masalah fundnya atau kebajikannya, tetapi Kerajaan yang begitu adil, perlahan-lahan telah nampak dan baru-baru ini kita dengar pengisytiharan mengenai rancangan perumahan untuk mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya merayu supaya rancangan itu disegerakan dan jangan banyak red-tapenya dan jangan beri pihak-pihak pemaju-pemaju rumah pula atau sesiapa sahaja orang-orang tengah mengambil kesempatan, yang murah menjadi tidak murah dan peruntukan yang begitu banyak nanti menjadi kecil atau sedikit kerana bertabur-tabur di tengah jalan. Untung nasib dan kebajikan mereka perlu dipelihara.

Saya mengucapkan tahniah kepada Menteri ini kerana baru sahaja beliau memegang jawatan ataupun bertukar memegang portfolio

Kementerian ini, beliau telah peka dengan keadaan hal kebajikan tentera ini lalu membuat Lawatan-lawatan. Kita boleh lihat dalam media cetak kita menyiarkan, beliau pergi melawat satu kawasan yang didiami oleh anggota keselamatan kita. Ada yang berpangkat Koperal, Lance Koperal, Sarjan. Kalau di dalam masa bertugas mereka ini mendapat penghormatan daripada anggota-anggota di bawahnya, diangkat tabik - kalau lalu sahaja orang yang berkenaan akan berdiri, "Selamat pagi Koperal", umpamanya. Tetapi sedihnya kerana pendapatan mereka, keadaan mereka tinggal di rumah setinggalan - bukan "Sting Garden", Tuan Yang di-Pertua. Setinggalan ada dua jenis - satu "Sting Garden" dan satu setinggalan. "Sting Garden" ini bunyinya Sting... gan...gan juga, tetapi dia ada Gardennya. Ertinya baik keadaannya. Tetapi yang setinggalan - "seting" kemudian "gan" - inilah yang menyedihkan.

Kita lihat sendiri di dalam suratkhobar bagaimana anggota perwira kita ini mahu bersemangat menentang musuh-musuh negara kalau rumahtangganya sendiri begitu sukar keadaannya, tiada parit, tiada kemudahan asas, kecil, bilik satu anak lapan dan lain-lain perkara yang menyulitkan keadaan kehidupannya. Ini saya rasa syukur kerana nampaknya telah mendapat perhatian dan diharap ini akan dapat diberikan segera peruntukan dan tidak wajar Pasukan Keselamatan kita tinggal di rumah-rumah setinggalan, menyewa di belakang-belakang dapur orang, tambah lagi kalau yang duduk di kawasan bandar, umpamanya seperti di Sarawak, sebahagiannya di Sabah, ada juga yang di Kuala Lumpur, Seremban dan lain-lain, duduk di rumah sewa yang berharga \$250 sewanya, itu sudah tinggilah, tetapi rumahnya di belakang



dapur, tidak jauh pula daripada "al jamban" yang pakai angkat. Ada juga jenis jamban curah, alhamdulillah, tetapi yang "al angkat" masih ada lagi dan anak-anak mereka hidup dalam suasana yang tidak begitu tenteram dan sihat udara sekelilingnya.

Mengapa jadi begitu? Adakah mereka ini sengaja suka? Jawabnya, tidak. Sebab gaji mereka, sebab kemudahan-kemudahan keperluan rumah-rumah quarters untuk mereka tidak cukup, kerana gaji mereka yang menyebabkan mereka tidak mampu duduk di rumah yang agak selesa.

Syukurlah sekarang perhatian telah diberikan. Semoga dengan peruntukan yang agak banyak juga untuk Kementerian ini, perkara ini diambil perhatian. Ingatlah, hanya tubuh badan yang sihat melahirkan fikiran yang cerdas dan semangat yang wajar. Kita bukan duduk di padang pasir. Negara kita bukan sedang berperang dengan mana-mana negara atau menghadapi darurat yang kita boleh memberikan dalih-dalih bahawa belum ada kesanggupan, belum ada kecukupan, ekonomi merosot dan lain-lain untuk membela nasib mereka **ini**. Saya tidak membela ketenteraan sahaja. Saya sebut perkataan 'Pasukan Keselamatan Negara' merangkumi Tentera, Polis dan apa sahaja yang beruniform, yang memegang senjata menjaga tanahair kita ini. Terasa sedihnya kerana saya bercakap melalui pengalaman, kebetulan saya dari keluarga Tentera.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beralih pula dalam pembentangan Belanjawan ini kepada Kementerian Pendidikan. Pertama-tama tahniah dan syabas di atas Kementerian ini yang walaupun banyak pancaroba, tetapi berjaya mengekalkan dasarnya, pelaksanaan masih dalam penelitian dasarnya. Saya ingin menyentuh sedikit sahaja iaitu kita pernah rayukan di sini dan sebagai anggota parti pernah kita bawa di dalam Perhimpunan Agung Parti UMNO iaitu supaya Kementerian Pendidikan memberikan peruntukan-peruntukan khas kepada sekolah-sekolah agama rakyat dan mengambilnya menjadikan sekolah-sekolah Kerajaan dengan membetulkan kurikulum-kurikulumnya - ada kata kurikulum, ada kata kurikulum, tetapi saya ikut ejaanlah, 'kurikulum' - supaya membetulkannya dan mengimbangkannya dengan keadaan fizikal dan mental sebagai rakyat yang berguna dengan akidah

rohaniah dan jasmaniah yang dinamik bagi melahirkan anggota masyarakat yang benar-benar sihat di luar dan di dalam, taat kepada Kerajaan, taat kepada ibu bapa, faham sejarahnya, berwibawa, berpotensi tinggi, rajin, tidak malas, asyik hendak berpoya sahaja, masuk uniform dalam beg dan pergi ke kompleks-kompleks sahaja, hendak melahirkan generasi-generasi yang bertanggungjawab dan kemudiannya memahami dirinya sendiri dan tidak akan mendekati perkara-perkara yang munkar dalam agama Islam atau perkara-perkara yang boleh merosakkan dirinya, yang membabitkan keadaan negaranya. Kita tahu sekarang ini ada banyak sekolah agama rakyat yang masih lagi tidak diberikan perhatian yang berat atau dinaungi seterusnya.

Kita pernah dengar cerita bagaimana sekolah-sekolah rakyat persendirian (private) terbakar dan lain-lain kerana tidak mengikut peraturan. Berapa ramai kanak-kanak yang tidak berdosa yang ingin mencari pengetahuan mengisi dada untuk jadi manusia yang sempurna telah mati dengan sia-sia walaupun kuasa Allah dan takdir kerana pengawasan, penyelenggaraan sekolah yang tidak teratur. Nampaknya Kerajaan peka dengan keadaan ini. Menterinya pernah beri pengakuan akan melaksanakan, akan mengambil berat tentang pandangan dan juga usul-usul yang dikemukakan ini.

Maka dengan Budget ini saya mengharapkan perkara itu dapat dilaksanakan, walau siapa pun Menteri Pendidikannya, kerana dasar tetap dasar. Menteri bertukar, dasar jangan ditukar. Kalau dahulu Yang Berhormat Anwar, sekarang Yang Berhormat Dato' Sulaiman Daud juga seorang yang berpengalaman tinggi, seorang yang mahir tentang pendidikan, saya percaya suara ini akan didengar dan akan dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, dari Pendidikan saya ingin juga menyentuh B.31 Jabatan Kastam dan Eksais yang mendapat peruntukan sebanyak \$167,686,300 - wow, banyak peruntukan ini tetapi tidak mengapa kerana Jabatan ini juga sangat penting mengawal, dan bekerja keras menentukan negara kita supaya tidak menjadi negara lanun atau negara yang tidak ada peraturan dengan penyeludupan-penyeludupan. Hanya ingatan saya kepada Jabatan ini yang telah banyak jasanya mengawas segala-galanya, yang telah mengutip banyak hasil-hasil cukai-cukai, segala jenis cukai yang dipertanggungjawabkan kepada mereka supaya perkara penyeludupan dadah diberikan perhatian yang lebih berat. Kita hairan bin ajaib dalam begini kita berkempen, bersusah payahnya Kerajaan dan orang ramai, beria-ia persatuan-persatuan terutama PEMADAM dalam hendak menghapuskan masalah dadah dan penagihan baru maka kita masih lagi didengar, didedah dengan tangkapan-tangkapan penyeludupan yang kadangkala menakutkan. Adakah ini merupakan bahan-bahan itu telah lama ada dalam negara kita yang disembunyikan atau ianya baru datang. Kecekapan daripada Polis dan Kastam dapat dicekup atau ditangkap, atau yang terangkap banyak itu tetapi yang tak tertangkap double dari itu menyebabkan angka-angka penagihan meningkat.

Banyak pendapat, Dato' Paduka- Dato' Yang di-Pertua, fasal kami baru sahaja menghadiri jamuan Dato' Paduka yang akan bersara iaitu Dato' Paduka Daim Zainuddin, bukan jamuan tetapi silatur-rahim untwk Senators tadi, saya menyebut Dato' Paduka tetapi Dato' Yang di-Pertua kita juga ada bergelar Dato'.

Tuan Yang di-Pertua, masalah dadah ini yang menghairankan kita pertambahan penagihan baru, pendapat mengatakan kalau tak ada demand, maka tidak ada supply. Ada pula yang mengatakan kalau tak ada supply, tak adalah demand. Jadi kalau ada perbekalan, mesti ada permintaan - dalam Bahasa Malaysia, dan kalau ada permintaan, mesti

ada bekalan. Jadi sebab itu, hendak menghapuskan dadah satu pendapat mengatakan jangan adakan permintaan, ertinya kawal anak-anak muda kita daripada cenderung kepada masalah dadah, tetapi mereka manusia biasa. Ada pula pendapat, mengatakan stop perbekalan, bila tak ada dadah, macam mana hendak menghisap dadah. Pasti mereka tidak boleh menghisap dadah walaupun mereka menagih, walaupun mereka meronta-ronta inginkan benda, dia panggil perkara tni 'benda' dalam bahasa mereka ataupun ada ,perkataan-perkataan tertentu. Maka sama ceritanya seperti ayam dengan telur, telur dengan ayam, yang mana dulu. Kata dulu ayam baru telur, kata dulu telur baru ayam. Tetapi kesimpulannya ada supply, mesti ada demand.

Jadi, kewajipan kepada pihak yang menyekat supply, iaitu Kastam supaya mempertingkatkan lagi kegiatan-kegiatan mencegah penyeludupan. Kita berterima kasih dengan beberapa tangkapan-tangkapan termasuk anggota Kastam sendiri yang menyeleweng. Ini satu kebaikan kerana berani pegawai-pegawai tinggi mereka walaupun orang mereka ditangkap juga, begitu juga, yang berlaku di pihak Polis. Jadi dalam masalah dadah, Kastam dan Eksais juga memainkan peranan penting selain daripada pihak Polis dan perlu benar dengan sokongan orang ramai untuk memberikan maklumat-maklumat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin pergi pula kepada B.33 Kementerian Perusahaan Awam yang mendapat peruntukan \$166,501,600, Menterinya bernama Yusof Nor, seorang Menteri yang dedikasi, yang benar-benar berjiwa rakyat. Yang saya ingin sentuh mengenai Perusahaan Awam ini, yang lain-lain itu pada pendapat saya allright belaka, ialah mengenai perkembangan dan perjalanan Majlis Amanah Rakyat (MARA). Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Encik Tamrin yang dilantik menjadi Pengerusi MARA yang baru dan juga tahniah saya kepada Dato' Affifudin yang telah dilantik menjadi Pengerusi Yayasan Pelajaran MARA (YPM). Inilah yang saya ingin sentuh, yang mengambil peranan penting dalam menentukan anak-anak bumiputera khasnya dan rakyat Malaysia amnya mendapat peruntukan-peruntukan wajar untuk mereka melanjutkan pelajaran apabila mereka telah tidak dapat melanjutkan pelajaran mengikut saluran-saluran lain atau yang terkandas kerana kelemahan atau mereka yang tidak bernasib baik mendapat biasiswa dari Jabatan atau Agensi Kerajaan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, kita rasa syukur dan lega dengan satu pengumuman oleh Pengerusi MARA yang baru yang mengatakan - ini kelapangan juga, satu kelegaan juga kepada bumiputera, khasnya yang ingin berniaga, yang ingin membuat pinjaman dengan ikhlas untuk berniaga. Tetapi saya tidak menyokong kepada yang pandai meminjam tetapi tidak pandai membayar, seperti yang dilaporkan berjuta-juta ringgit wang MARA terpendam tidak berbayar. Bukan semuanya antara mereka tidak sanggup bayar kerana gagal dalam perniagaan, tetapi kebanyakannya sudah maju jaya dalam perniagaan, cuma ada sedikit rasa malas hendak membayar hutang. Ada sedikit perangai yang tidak suka bayar hutang. Saya hendak ucapkan tahniah kerana kemaksimuman ataupun pinjaman yang telah ditinggikan sedikit dimaksimumkan. Kalau dahulu pinjaman hanya diberi sebanyak \$250,000 untuk hendak membuat perniagaan, apakah jenis perniagaan ketika ini yang hendak dibuat dengan \$250,000? Kalau buat burger pun memerlukan \$50,000, \$60,000 atau \$100,000. Jadi, sekarang ini telah ditingkatkan kepada \$1 juta. Mudah-mudahan dengan kelonggaran pinjaman yang meningkat ini, banyak lagi peluang-peluang pengembangan kepada usahawan bumiputera khasnya dapat ditingkatkan. Tetapi hendaklah juga diberikan syarat dan kesedaran apabila mereka itu maju atau apabila sudah berhutang, maka rajin-rajin dan bertanggungjawablah membayar hutang supaya wang ini boleh dipusing dan dikembangkan kepada pihak-pihak yang lain dan tidak terbeku setakat itu sahaja.

Kemaskinian yang saya maksudkan, yang saya faham sudah dalam pengetahuan Menterinya ialah mengenai beberapa urusan-urusan yang diusahakan oleh MARA yang kita faham dalam laporan yang kita

terima di Dewan ini, kebanyakannya rugi, rugi, rugi. Tuan Yang di-Pertua, mungkin ini adalah kerana perancangan yang tidak begitu terancang atau mungkin beberapa masalah yang boleh dikenalpasti yang perlu dicari puncanya, sebab-musababnya, kerana tentulah merugikan kalau dilaburkan modal begitu banyak, bermillion-million ringgit kepada agensi ini, kepada badan berkanun ini, tetapi pulangannya "r-u-g-i" atau rugi juga.

Terdapat beberapa perkara hanky-panky di sana. Saya percaya perkara ini sudah dalam pengetahuan pihak-pihak atasan. Perbetulkanlah, Tuan Yang di-Pertua, kerana hanky-panky inilah selalunya yang melambatkan penyampaian visi Perdana Menteri, visi rakyat Malaysia dan visi negara kita sendiri yang ingin memberikan rakyatnya selesa dan hidup aman, damai serta makmur. Ertinya per-ekonomiannya ditingkatkan dan diselaraskan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Kementerian Kesihatan, B.34. Sebentar tadi saya nampak sahabat saya Timbalan Menterinya ada di sini, iaitu yang paling rajin, yang paling peka dan banyak membuat perubahan, termasuklah Menterinya sekali, kepada Kementerian Kesihatan. Banyak perubahan telah dilakukan di mana-mana pusat kesihatan dan yang saya ingin sentuh satu, dua perkara sahaja lagi yang mungkin tidak dalam pengetahuan Menteri, Timbalan Menteri atau Setiausaha Parlimen kerana mungkin perkara ini kecil dan tidak sampai kepada pengetahuan beliau, iaitu mengenai beberapa rawatan-rawatan dalam bidang kepakaran yang masih belum cukup lagi anggota atau pakarnya dan juga alat-alatan. Pernah dahulu saya bawa di sini mengenai mesin Radiotherapy Dialysis dan kemudian masuk kepada bahagian X-Ray, bahagian cervic cancer dan juga beberapa bahagian-bahagian kesihatan yang lain. Maka sekarang saya ingin membawa

perkara-perkara yang berkaitan dengan pengesanan penyakit-penyakit kanser dengan jenis-jenisnya. Kanser ada banyak jenis, dan malangnya wanita terlalu digemari oleh penyakit ini. Banyak wanita yang kerana kekurangan ketiadaan alat rawatan telah mati disebabkan oleh kanser buah dada, kanser tempurung kepala, kanser otak, kanser tulang, kanser otot dan yang paling banyak sekali kanser di ovariovari wanita. Penyakit ini memanglah sukar hendak dikawal kalau sudah merebak. Maka itu saya merayu supaya diperbanyakkan lagi alat-alatan ini bukan sahaja di Kuala Lumpur, kerana Kuala Lumpur ada manusianya, yang di kampung pun manusia juga, rakyat juga. Kalau boleh, biarlah disemua General Hospital di seluruh negara ditempatkan pakar dan alat-alat ini.

Lagi satu, Tuan Yang di-Pertua. Perkara ini agak menghairankan, dan walaupun pelek tetapi benar. Ada jenis ubat-ubatan yang diperlukan oleh pesakit-pesakit biasa, katalah pesakit sendi tulang, pesakit nerve atau muscle, pesakit kerongkong, pesakit kepala, dan sebagainya, tetapi ubatan tidak ada di hospital. Baru-baru ini saya sendiri mengalami perkara yang berkenaan. Sebelum itu saya mendapat beberapa pandangan dan rayuan. Satu kebetulan, saya pernah duduk sebagai ahli Lembaga Penasihat Hospital dan saya banyak mendapat makluman-makluman. Saya harap Menteri yang berkenaan jangan pula kecil hati. Yang kita hendak sebut ialah perkara untuk membaiki, bukan hendak mencatitkan. Masalahnya ada. Tengok masalahnya dan tolong selesaikan. Ada jenis-jenis ubat kadang-kadang tiga, empat jenis ubat yang diperlukan oleh pesakit tiada di hospital, tetapi ada di farmasi. Bukan ubat mahal, Tuan Yang di-Pertua. Ada ubat yang berharga satu biji 15 sen, sejenis ubat menahan sakit sendi-sendian, tidak ada di General Hospital. Bukan pada ketika-ketika,



pada sepanjang masa. Kalau ketika-ketika selepas habis stock, tidak mengapalah, belum sampai lagi bekalan, okay, tetapi sepanjang masa, bulan satu tidak ada, bulan tiga tidak ada, bulan enam pun tidak ada. Ini satu contoh, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, sebagai rakyat, saya merayu kepada pihak berkenaan - ada wakil dalam Dewan, pegawai ada, sila catit - tolonglah perbanyakkan bekalan-bekalan ubat **ini**, sebab ubat-ubat ini harganya bukan mahal, mampu oleh Kerajaan kita menyediakannya kepada rakyat jelata, terutamanya rakyat merhain yang tidak dapat layanan istimewa kerana mereka itu rakyat biasa. Kalau orang-orang yang ada duit, tidak gaduhlah, beri sahaja nama ubat, dia boleh beli, terbang ke Singapura pun boleh, terbang ke London pun boleh. Tetapi rakyat biasa, kalau disuruh pergi farmasi ada yang tidak tahu apa itu farmasi, di mana dia hendak beli dan kadangkala kalau dia hendak beli, dia tidak tahu pula macam mana cara dia dan salah makan ubat, bawa juga bencana. Jadi, perkara ini kecil, tetapi oleh kerana jarang disebut, maka saya sebutkan pada hari **ini**.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya ingin pula pergi kepada B.35, Kementerian Dalam Negeri. Menterinya Perdana Menteri kita yang dikasihi, Timbalannya ialah Presiden PEMADAM yang sebentar tadi ada dalam Dewan. Masalah dadah saya tidak mahu lagi hendak menyentuh di bawah Kementerian ini kerana Kementerian ini telah bekerja keras siang malam daripada Menteri, Timbalan Menteri, Ketua Setiausaha, pegawai-pegawai sekali siang malam bekerja mengenai masalah dadah. Yang saya ingin sentuh tiga atau empat perkara. Yang pertama penapisan filem-filem, yang kedua, cetak rompak, yang ketiga siberan majalah-majalah lucah dan buku-buku cerita seks yang sekarang sedang berleluasa dan keempat Darul-Arqam.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan menyentuh pula dua lagi perkara yang ada kaitannya dengan pegangan dan keyakinan sebahagian besar rakyat di Malaysia, aqidah Islam atau yang beragama Islam.

Saya rasa di Dewan ini sayalah yang paling popular, yang sayang benarkan Darul Arqam ini. Terlalu banyak menyentuh, membangkit dan meminta kerjasama tindakan dan lain-lain, sehingga saya dihantar surat-surat layang oleh pihak berkenaan. Mula-mula mereka hantar dengan perkataan yang baik-baik. Selepas itu perkataan yang kurang baik. Akhirnya, paling tidak sopan.

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, saya telah menjawab satu daripada surat itu kerana saya dapat siasat dari mana datangnya. Saya katakan kepada dia, Tuan Yang di-Pertua, sabda Rasulullah s.a.w. yang diriwayatkan oleh sahabatnya mengatakan, "katakan olehmu yang benar walaupun pahit." Maka saya ingin mengatakan yang benar walaupun itu pahit. Dan kalau benar saudara-saudara Islam sejati, saudara-saudara perlu terima dan perlu nilai, perlu pertimbang dan pertikaikan sentuhan dan teguran saya itu. Kerana ada lagi. satu Hadis Nabi yang menyebut "sekiranya kamu...", lebih kurang maksudnya, Tuan Haji tolong betulkan saya kalau salah. "Kalau sebenarnya kamu orang Islam sejati, terdapat olehmu saudara-saudara mu melakukan kesilapan...", ini ustazah ada di sebelah kanan saya; "..maka tegur olehmu dengan jangan" ertinya pukul. "Kalau tidak berdaya dengan jangan, maka tegur oleh mu dengan lidah..", ertinya marah atau nasihat atau teguran. "..kalau itu pun tidak berdaya maka tegur oleh mu dengan hati mu..", iaitu doakan kepada Allah supaya perkara itu dapat diperbetulkan, dibuka pintu hatinya.

Tuan Yang di-Pertua, ini buku, terima kasih - Timbalan Menteri berkenaan ada dalam Dewan ini. Buku ini bernama Darul Arqam Antara Kebenaran dan Kekeliruan ditulis oleh Al-Ustaz Mohd. Rushdi Yusof, Universiti Sains Malaysia. Saya hendak minta walaupun ini ada kaitannya dengan Kementerian Dalam Negeri tetapi ada syer daripada Pusat Islam supaya buku ini; saya percaya Timbalan Menteri sahabat saya al-Ustaz Dato Dr Haji Abdul Hamid pun maklum, buku ini ada baiknya Pusat Islam beli banyak-banyak, kemudian sebarkan kepada surau, kepada persatuan-persatuan, orang-orang perseorangan yang terlampau fanatik dengan Al-Arqam umpamanya supaya mereka baca. Kerana di sini ada unsur-unsur pembetulan, kesedaran aqidah. Yang menulis berpengalaman sangat dan amat mengetahui perjalanan serta penyelewengan di dalam Al-Arqam. Beliau merasa berdosa, merasa bersalah kalau tidak menerangkannya, mendedahkannya kepada umat Islam khususnya; kepada penganut-penganut Islam lainnya atas penyelewengan yang berlaku itu.

Tuan Yang di-Pertua, ada antaranya dalam buku ini yang sempat saya baca sedikit sebanyak iaitu satu perkara yang menarik perhatian saya yang saya rasa perlu dihentikan segera. Ini tengah berjalan benda ini. Masih berjalan. Satu majlis yang diberi nama "Majlis Yaqazah" di mana dalam majlis itu tujuannya mendekatkan diri, taqwa dengan Allah, tetapi disalahgunakan dengan menanamkan isme-isme pendewaan kepada beberapa orang Al-Sheikh - Al-Sheikh dalam Al-Arqam termasuklah Al-Ustaz Ashaari.

Saya ingin bertanya Kementerian Dalam Negeri di mana Ustaz ini ada sekarang ini? Saya baca dalam buku ini seorang kawannya bernama

Ustaz Suhaimi, kalau tidak salah salah saya; ada namanya di sini yang menyampaikan pesan mengatakan bahawa Ustaz ini berada di luar negeri, sedang menuntut ilmu, sedang menjalankan tugas-tugas dengan kerana Allah dan beliaulah diwakilkan untuk memimpin Al-Arqam. Bukan sentimen, Tuan Yang di-Pertua. Demi Allah tidak. Mereka itu adalah orang-orang Islam. Seperti juga kita simpati dengan rakyat-rakyat Iraq yang terkorban oleh senjata-senjata Pasukan Tentera Bersekutu yang-kita sendiri pun menyokong keputusan Resolusi 678 daripada PBB itu, tetapi kita tidak sangkalah benda ini disalahgunakan. Maka begitu juga kepada anggota Al-Arqam,

Apa yang saya ingin rayukan, mintalah Pusat Islam beri perhatian yang teliti, kemudian menjalankan beberapa usaha, walaupun tidak boleh cara keras, cara halus. Tariklah, bukalah, dedahkanlah kongkongan-kongkongan yang menyesatkan ini. Kerana makin lama nanti makin banyak sesatnya. Makin banyak nanti akibat buruknya kepada ajaran-ajaran yang dikatakan, yang saya telah ditaklimatkan ianya jauh menyeleweng daripada aqidah agama Islam itu sendiri. Dan kepada Kementerian Dalam Negeri bilalah agaknya hendak bertindak? Al-Arqam ini saya pernah kata dia tidak berdaftar. Ada persatuan-persatuan yang hendak membuat kerja-kerja kebajikan, hendak menubuhkan persatuan hantarlah permohonan untuk didaftarkan oleh Pendaftar Pertubuhan. Sebelum lulus mereka membuat kegiatan, kena tangkap. Mereka didakwa di mahkamah. Sudah hantar, tetapi belum lulus. Mereka itu rajin sangat, buat satu kegiatan, kena! Bagaimana dengan Al-Arqam ini? Kalau mereka itu didaftarkan senang,

boleh kita menerap, mengawas dan boleh mereka itu dikawal oleh Akta Pertubuhan itu sendiri. Yang kita mahu jangan menyeleweng. Kita setuju sangat dengan kegiatan-kegiatan berdikari, usahawan dan lain-lain yang dibuat oleh Al-Arqam ini. Ada juga banyak yang baiknya. Usaha-usaha perniagaan, berdikari mereka, silatulrahim, perkampungan dan lain-lainnya ini sangat dipuji dan selaras dengan ajaran Islam. Yang tidak menyenangkan banyak orang termasuk saya, eksploitasi kepada wanita, satu. Penyelewengan aqidah, dua. Ketiga, pendewaan kepada pemimpin-pemimpin mereka. Kita bimbang nanti kalau-kalau ini akan melarat, berkembang menjadi sebagai puak-puak Syiah yang ada di negara-negara lain termasuk di Iraq sana. Mohon kepada Allah semoga perkara ini tidak berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh mengenai penapisan filem, Baru-baru ini terkeluarlah tekan-menekan. Kementerian Penerangan dengan pihak-pihak lain. Yang hairah bagaimana filem-filem, babak-babak yang tidak seharusnya ditonton terkeluar di TV3. Ada jawapan daripada Timbalan Menteri Penerangan dan jawapan itu wajar. Kita tidak hendak menyalahkan mana-mana pihak, kita hendak minta ambil perhatian sahaja. Dalam kita hendak mendidik rakyat kita menjadi rakyat yang dinamik, positif, berdikari, bertanggungjawab, berwibawa, berdisiplin tinggi, bermaruah, bermoral, tidak menagih dadah, tidak jadi gangster, tidak rugged lelaki rambut sampai ke bontot dan lain-lainnya, maka media-media kita perlu bekerjasama terutamanya dari badan-badan penyiaran. Itu sahaja yang kita tegur.

Jadi Kementerian Dalam Negeri ini, masalah penapis filem ini di bawah mereka.

Saya setuju mesti dikeraskan, diketatkan. Mana yang tidak boleh potong. Kalau hendak ikut selera ramai, memanglah banyak yang berselera. Kalau boleh dia tidak mahu. Kalau boleh TV1, TV2 dan TV3 dan mungkin ada TV4 besok, menyiarkan video-video yang ganas, liar yang mendedahkan babak-babak seks yang kadangkala, nauzubillah keadaannya luar biasa. Mereka lagi suka sebab tidak payah menyewa video-video itu dengan duitnya sendiri. Tetapi apakah ini dasar kita? Penapis Filem perlu tegas. Biar mereka mencuri tengok di mana-mana kerama itu kumpulan kecil. Kalau dedah dengan siaran Kerajaan, ini Kerajaan akan dipersalahkan. Nanti dalam pilihanraya "Tok Mat" susah hendak jawab. Kami-kami susah hendak kempen untuk Kerajaan. Itu perkara politik. Tetapi perkara pendidikan, moral itu sangat penting. Siapa pun memerintah, insya Allah UMNO, Barisan Nasional terus memerintah, ini perkara penting, pendidikan. Kita jangan sangkal-menyangkal dan bila ditegur ada pula pihak-pihak yang marah, tarik muka, sindir-sindir pula. Janganlah kita jadi begitu narrow minded. Marilah kita menjadi orang-orang, pemimpin-pemimpin yang broad minded. Tahan dicubit, tahan ditentang, tahan disanggah. Daya tahan diri mahu kuat. Kalau itu yang kita latih orang ramai, itu juga perlu kita tunjukkan contoh teladan.

Kita tidak memperkatakan dengan niat-niat yang tidak baik. Kita ingin melihat pembetulan. Kita faham ada komersial di TV tetapi jangan sampai jual moral rakyat dan generasi akan datang dengan al-fulus. Jangan jadikan al-fulus perkara pertama. Mesti letakkan dasar menjadi perkara utama. Saya banyak kali telah sebutkan perkara ini, Tuan Yang di-Pertua.

Satu contoh yang saya ingin sentuh, baru-baru ini ada majlis mengingati Tan Sri P. Ramlee. Sangat baik, sangat indah grafiknya, latar-belakangnya, persiapan-persiapan pentasnya mengagumkan, membayangkan keagungan talent yang ada pada seniman yang berkenaan. Antaranya keluarlah Uda dan Dara menyanyi, Tuan Yang di-Pertua. Asyiklah kita menengok kesenian kita yang telah diperkembangkan oleh aruah Tan Sri P. Ramlee, tetapi bila melihat tarian latar-belakangnya sakit hati saya. Sebab begitulah P. Ramlee mencipta lagu, nada, senikata, pakaian, bentuk lenggang-lengguk dan lain-lainnya melambangkan kebudayaan Malaysia, kesenian dan keayuan Malaysia, maka kita sadurkan dengan tarian lintang-pukang, silat semacara karate, balletpun campur dan pakaian pancarama. Saya tidak faham dan saya tidak tahu ilham dari mana diambil. Saya rasa kalau kita hendak mengenengahkan ciptaan tokoh yang terkenal ini jangan disadurkan, biarlah ianya genuine seperti yang diciptanya. Barangkali kalau rohnya boleh bercakap, diapun marah: Apalah, apa you all buat

macam **ini**! Saya buat lain, you all buat lain! Kenapakah mesti dicampuradukkan? Kita boleh menunjukkan ciptaan-ciptaan tarian baru yang berunsur ballet atau berunsur apa sahaja dari Jepun, dari London atau dari Amerika, break dance atau lain-lain tetapi jangan disadurkan dan jangan ditenggelamkan ciptaan bersih atau ciptaan yang begitu tinggi nilainya oleh seniman agung kita yang satu **ini**.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga lagu-lagunya diubahsuaikan maka jadilah seperti jazz, maka jadilah seperti blues-blues, sayapun tidak berapa faham berkenaan lagu-lagu, tetapi menyakitkan telinga dan tidak ada lagi ketulenan, keindahan lagu yang dicipta oleh seniman yang terkenal **itu**. Siapakah yang melakukan **ini**, Tuan Yang di-Pertua? Jawabnya: Kerajaan kita melalui Kementerian Penerangan yang mengagung dan mengenengahkan tokoh yang berkenaan. Maka inilah pandangan saya yang mana pihak orang ramaipun banyak memberikan pandangan seperti itu tetapi tak dapat didengar di menara kaca. Menara kaca tidak dengar ini semua, mungkin tak mahu dengar, tak suka dengar atau selalu boleh "dipersetankan" sahaja. Tolonglah nilaikan seni budaya yang tulen dengan seni budaya yang dicipta-baru bersadur **ini**. Biar kita ada dua-tiga perkembangan. Sayapun bukan seorang yang fanatik, broad minded juga, tetapi jangan yang baik itu dicampurkan dengan yang tak berapa baik. Maka ia menjadi satu cetusan, cetusan rojak.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu mengenai cetak rompak. Tak payah banyak cakap, merintihlah penyanyi kita, merintihlah pembuat-pembuat filem kita. Cetak-rompak meleluasa juga. Boleh



didapati di Taman Melawati, boleh didapati di Salak South, boleh didapati di Ipoh, boleh didapati di Seremban, boleh didapati di Johor Bharu dekat-dekat Tampoi, boleh didapati juga di Tampin. Ini video-video yang tidak bertapis. Dengan senang boleh didapati, sangat senang. Cerita liar, cerita-cerita pandangan-pandangan gelanggang sex. Semua boleh didapati, Tuan Yang di-Pertua, saya berani perufkan. Kalau hendak besokpun saya boleh bawa berdozen-dozen. Tak ada sekatan, tak ada larangan dan tidak ada apa-apa pengawasan. Di Chow Kit Road, you pergi, sila berjalan malam-malam, sila tengok. Boleh tanya dia, bisik: Ada video-video ini tak? Ada video-video itu tak? Mr. "X" ada tak? Dia nanti keluarkan video itu dengan sewaan \$3.00. Di pasar malam, saya terkejut apabila baca surat-khabar saya ingat perkara ini laporan palsu. Sayapun buat kajian. Benar: Nafsu Kuda. Harganya \$1.00. Ada lagi tajuk-tajuk seperti itu, apabila dibuka di dalamnya, apabila dibaca meremang "bulu tengkok". Kalau umur 17 ke atas, pandailah dia mengimbang. Bagaimana anak-anak yang di dalam transition period, antara kanak-kanak hendak pergi ke 'rang muda' atau di antara orang-muda hendak pergi ke peringkat dewasa di mana masa itu perasaannya, fikirannya masih bercampur-aduk atau confuse, Tuan Yang di-Pertua. Mereka tidak tahu menilaikan mana yang baik, mana yang buruk. Tambahan lagi kalau emak dia selalu beri dia sup ekor, pasti sahaja bila baca perkara ini berekor-ekorlah akibatnya.

Tuan Yang di-Pertua, tolonglah kawal pihak yang berkenaan. Tolong kawal, mungkin perkara ini dianggap perkara ringan, tetapi ianya akan memudharatkan. Pihak Kementerian Dalam Negeri,

tolonglah banyakkkan lagi Pegawai-pegawai Penguatkuasaan. Sila pergi check, jangan ada belas kasih dalam perkara ini. Ia sama juga seperti bahaya dadah. Kalau dadah merosakkan anggota, naluri dan fikiran, bahan lucah ini juga boleh merosakkan kejiwaannya, cara pemikirannya dan boleh menyebabkan berbagai-bagai perkara yang berunsur liar, berunsur sex dan keganasan yang dilakukan dan dilakonkan oleh 'rang-rang-muda' atau remaja-remaja kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri terkejut apabila cucu saya yang berumur 6 tahun membawa satu video-video yang bertajuk The Last Carnival yang telah disewa oleh seorang anak angkat saya yang masih bersekolah menengah. Saya tengok tajuk video ini nampak-nampak macam okay. Saya masukkan di dalam video, saya tengok mula-mula all right, 'selepas itu, Ya Rasulullah. Cepat-cepat saya tutup. Cepat-cepat saya tutup. Saya sendiri yang sudah dewasa, ada pengalaman jugalah dan semua orang yang bersuami-isteri ada pengalaman, minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, termasuk Tuan Yang di-Pertua juga. Tetapi apabila tengok keadaan ini, kita rasa geli-geleman. Keterlaluan. Keterlaluan. Nun berlaku di Brazil, di hutan belantara Brazil. Saya terus tarik video itu dan saya tengok video itu disewa dari kedai yang berkenaan dan saya telefon kedai tersebut.

Saya tanya dia, dia kata ada banyak lagi kalau Yang Berhormat hendakkan filem-filem macam itu. [Ketawa] Saya kata, tak ada apa-apa sekataukah? Dekat mana you all dapat video ini? Dia kata, kita dapat dekat sini, dekat sini. La-haulawala quwwata illa billah. Oleh kerana yang berkenaan itu saya kenal, sayapun adalah sedikit in favournya, cuma saya ingatkan dia. Saya katakan dengan dia,

bertanggungjawablah. Oleh kerana you hendak berniaga, tetapi jangan rosakkan generasi kita. Dia kata, sekarang semua orang sudah moden, budak-budakpun semua tahu. Biar semua orang tengok, jadi dapat menilai! Jadi, di sanalah kelemahan kita, selagi kita tidak kawal, peniaga-peniaga tidak peduli akibatnya. Apa yang dia mahu ialah keuntungan. Kita serulah mereka, rebutlah peluang keemasan dalam bidang perdagangan dan perniagaan. Maka merekapun merebut, walaupun dalam perebutan itu mengakibatkan beberapa perkara yang menjejaskan dan meruntuhkan akhlak generasi kita termasuk anak dan keluarga mereka sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Kementerian Dalam Negeri, setakat inilah sahaja yang saya hendak sentuh dan saya percaya ianya akan dapat diberikan perhatian yang serius di dalam perkara-perkara yang telah saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah mengambil masa yang agak lama, namun begitu saya mengharapkan apa sentuhan yang telah disebutkan tadi akan dapat diberikan perhatian. Walaupun saya masih ada beberapa point lagi, tetapi saya rasa adalah adi bagi saya untuk membenarkan sahabat-sahabat saya pula bercakap dalam perkara-perkara lain. Oleh itu, saya ingin menyentuh Kementerian Luar Negeri, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Hanya saya hendak menyentuhnya secara am. Ketiga-tiga Kementerian ini mendapat peruntukan yang agak baik, maka silalah berfungsi untuk mencapai matlamat-matlamat dan dasar-dasar yang telah dirancang dengan baik dan sila awasi segala perjalanan perlaksanaannya supaya ia sampai kepada matlamat-matlamatnya dan dengan ini negara kita akan menjadi negara yang lebih sejahtera, yang akan dihormati dan rakyat akan hidup aman-damai, makmur serta selesa. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Dato' Tiong Hiew King.

**4.10 ptg.**

**Datuk Tiong Hiew-King;** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam pcrbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 1991. Rang Undang-undang ini bertujuan membenarkan pengeluaran sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1991 dan memperuntukkan sejumlah wang itu dan jumlah wang yang dibenarkan dikeluarkan di bawah Akta Kumpulan Wang Disatukan (Perbelanjaan Masuk Akaun) 1990 bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam Jadual kepada Rang Undang-undang ini. Oleh yang demikian, saya turut menyatakan sokongan kepada Rang Undang-undang itu.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah menyaksikan bahawa ekonomi Malaysia telah berkembang dengan pesat dalam tempoh beberapa tahun yang lalu tetapi disamping itu inflasi tetap berada di peringkat yang rendah dan terkawal. Satu prestasi yang membanggakan seperti ini tercapai dalam ekonomi kita disebabkan olah langkah berhati-hati yang Kerajaan melaksanakan selama ini dalam bidang fiskal dan kewangan. Pertumbuhan pesat ekonomi negara telah membawa faedah kepada setiap golongan rakyat baik di kawasan-kawasan bandar mahupun di luar bandar.

Ketika kita semua sedang menikmati hasil daripada pertumbuhan ekonomi negara, kita tidak akan lupa bahawa pencapaian ini boleh terjadi kerana Kerajaan kita di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir, Perdana Menteri kita yang bijaksana dan juga kita mempunyai seorang Menteri Kewangan iaitu Yang Berhormat Dato' Paduka Daim Zainuddin yang bijak merumuskan langkah-

langkah fiskal dan kewangan yang telah dan terus menggalakkan pertumbuhan pesat ekonomi negara kita serta mengekalkan kejayaan pada tahap yang begitu tinggi dalam tempoh beberapa tahun yang lalu.

Kita dapat tahu bahawa Yang Berhormat Dato' Paduka Daim Zainuddin telah meminta meletak jawatan dan permohonan beliau pun juga telah diterima dan dibenarkan berkuatkuasa mulai 15hb Mac nanti. Perletakan jawatan beliau memanglah satu kerugian besar bagi rakyat negara kita. Jasa beliau kepada negara akan dikenang buat selama-lamanya.

Tuan Yang di-Pertua, Dato' Paduka diketahui akan memberi perhatian yang lebih kepada perniagaannya sendiri untuk menguruskan perusahaannya. Maka di sini kami berdoa moga-moga beliau akan muncul sebagai seorang saudagar ulung yang berjaya kelak dan mudah-mudahan beliau akan maju jaya dalam perusahaan beliau. Sepertimana yang diketahui, Yang Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim akan menggantikan Yang Berhormat Dato' Paduka Daim sebagai Menteri Kewangan. Kami ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada beliau atas perlantikan ini dan kami yakin sepenuhnya bahawa dengan kecerdasan, kepandaian, kecekapan beliau serta pengetahuan dan pengalaman yang begitu luas Yang Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim tentu boleh menjalankan tugasnya yang baru dengan sempurna dan berjaya dan akan membawa kita terus mengekalkan kadar pertumbuhan pada tahap yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, tadi telah saya katakan iaitu kegiatan ekonomi kita telah berkembang dengan pesat berikutan langkah berhati-hati dan berkesan yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan dan dalam Belanjawan 1991 yang dibentangkan itu telah menyatakan bahawa Kerajaan akan terus berusaha dengan kuatnya untuk mengekalkan kejayaan yang dicapai dan meningkatkan lagi tahap kejayaan ini. Pertumbuhan pesat sedang berlaku di Eropah, Amerika Syarikat dan Lingkungan Pasifik tetapi ada tanda-tanda yang menunjukkan bahawa negara-negara perindustrian utama pun sedang mengalami pertumbuhan yang perlahan.

Perang Teluk tentu akan menambahkan ketidak tentuan kepada prospek ekonomi dunia. Adalah ditakuti semua ini akhirnya akan memberi kesan ke atas negara kita serta menjejaskan pertumbuhan dan prospek ekonomi negara. Maka sebelum terjadinya hal-hal yang tidak diingini tersebut, Kerajaan mencadangkan beberapa lagi perubahan cukai untuk meneruskan pertumbuhan dan mengekalkan pertumbuhan pada kadar yang tinggi. Perubahan cukai ini saya yakin akan menjadi satu dorongan yang kuat supaya setiap golongan baik pekerja, petani, pekebun-pekebun kecil, pengusaha-pengusaha kecil atau sederhana mahupun syarikat-syarikat pekilangan dan sebagainya akan boleh berusaha dengan lebih giat untuk menambahkan produktiviti atau keupayaan pengeluaran dan meningkatkan daya saingan. Dengan itu ekonomi negara akan menjadi lebih kompetitif dan akan terus berkembang dengan kukuh dan akhirnya rakyat kita semua akan dapat menikmati hasil dari pertumbuhan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 1991 yang sedang dibahaskan ini adalah satu belanjawan yang baik dan akan membawa faedah kepada setiap golongan rakyat dan sesuatu yang akan mendorong kepada menggalakkan pertumbuhan ekonomi. Memandangkan langkah-langkah fiskal dan kewangan yang telah, sedang dan akan dilaksanakan, sesiapa pun tidak dapat menafikan tentang baiknya niat dan hasrat Kerajaan Barisan Nasional kita yang sentiasa berusaha untuk meningkatkan taraf hidup rakyat kita dengan taraf ekonomi yang tumbuh dengan pesat, negara yang stabil dan aman damai, dan masyarakat makmur dan maju. Kerana usaha gigih oleh Kerajaan itu, maka kita sedang menikmati semuanya ini dan segala kepujian harus diberi kepada Kerajaan Barisan Nasional di bawah pimpinan Dato' Seri Dr. Mahathir.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memuji Kerajaan kerana pendiriannya yang teguh dan tepat terhadap masalah krisis Teluk. Segala perbuatan dan pencerobohan atau memasuki kawasan negara orang dan melanggar kedaulatan negara orang harus dibantah dan ditentang dengan sekeras-kerasnya. Penceroboh atau invader, dengan izin, harus mengundurkan diri dari kawasan taklukannya tanpa syarat, kemudian segala masalah boleh diselesaikan secara damai atas meja perundingan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit tentang Maksud B.26 - Kementerian Pendidikan. Sepertimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Dato' Paduka Daim Zainuddin, Menteri Kewangan kita, bahawa pendidikan dan tenaga manusia yang mahir adalah penting dalam pembangunan negara. Kerajaan sedar betapa pentingnya pendidikan dan terus-menerus berusaha bersungguh-sungguh bagi meningkatkan peluang pendidikan kepada seluruh rakyat. Saya telah beberapa kali mengutarakan pendapat saya tentang pendidikan dan sekali lagi saya ingin menyeru kepada Kerajaan bahawa jika keadaan kewangan mengizinkan lebih banyak kampus atau universiti penuh harus didirikan, untuk menampung pelajar-pelajar bagi melahirkan dan melatih lebih banyak tenaga manusia yang mahir dan berilmu-pengetahuan yang tinggi.

Tidak perlu saya beri ulasan secara panjang lebar di sini. Telah cukup jelas dihuraikan oleh saya dan Yang Berhormat Senator lainnya di Dewan yang mulia ini pada masa berapa tahun yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, kerana begitu pentingnya pendidikan terhadap rakyat dan pembangunan negara, maka saya berharap Kementerian Pendidikan harus memikir masak-masak segala cadangan sebelum mengambil keputusan. Jangan tergesa-gesa memperkenalkan suatu yang baru, fikir dahulu, sesal kemudian tiada berguna.

Tuan Yang di-Pertua, banyak telah diceritakan bahawa murid-murid enggan mengambil matapelajaran bahasa Cina dalam peperiksaan SRP, SPM atau STPM. Mereka lebih suka mengambil matapelajaran lukisan sebagai gantinya dalam peperiksaan-peperiksaan tersebut sebabnya ialah susah bagi mereka mendapat markah yang tinggi bagi matapelajaran itu. Kerana itulah ada desas-desus bahawa markah rendah adalah diberi bagi kertas peperiksaan matapelajaran bahasa Cina. Saya berharap Kementerian boleh menyelesaikan segala salah faham atau kesangsian tentang masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, di sini, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud atas perlantikan sebagai Menteri Pendidikan. Moga-moga beliau akan menjalankan tugas-tugas yang berat ini dengan jayanya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyentuh sedikit tentang Maksud B.34 - Kementerian Kesihatan. Saya sangat sukacita dan rakyat Sarawak terutama penduduk-penduduk bahagian Sibu, Sarikei dan Kapit amat gembira melihat pembinaan Rumah Sakit baru Sibu yang kami lama menanti-nantikan itu telah mulai.

Walau bagaimanapun, saya ingin menarik perhatian Kerajaan



terutama Kementerian Kesihatan kepada latihan doktor dan jururawat yang lebih di mana-mana hospital terutama Hospital Law King Howe oleh kerana kita masih kekurangan doktor dan jururawat. Maka di samping menyediakan kemudahan-kemudahan kesihatan bagi meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat, Kementerian harus juga berusaha menambah doktor-doktor dan jururawat-jururawat. Maka itu Kementerian Kesihatan harus berkoordinate dan berbincang dengan Kementerian Pendidikan supaya Fakulti Pengajian Perubatan diperluas lagi dan ditambahkan tempat-tempat untuk menampung pelajar-pelajar yang berkelayakan tidak kira sesiapa pun. Dengan itu dapat kita menambahkan perkhidmatan perubatan dan perawatan bagi meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah ucapan saya. Sekali lagi saya ucapkan sokongan saya kepada Rang Undang-undang Perbekalan 1991. Terima kasih.

**Tuan Yang di—Pertua:** Tuan Abdul Rashid bin Ismail.

**4.25 ptg.**

**Tuan Abdul Rashid bin Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana memberi kesempatan kepada saya untuk turut membahas dalam Ucapan Belanjawan 1991.

Saya memanjatkan rasa syukur kepada Tuhan yang maha esa kerana pada waktu ini, Dewan Negara sedang bersidang dalam kedudukan negara yang stabil dan penuh keamanan.

Saya berkata demikian, Tuan Yang di-Pertua, ialah kerana melihat kepada keadaan peperangan Iraq dan Tentera Bersekutu yang diketuai oleh Amerika Syarikat sekarang ini di mana negeri-negeri yang terlibat secara langsung dalam kancah peperangan telah

mengalami satu keadaan yang tidak menentu dan emosi rakyat sentiasa diantara oleh ketakutan.

Bermula dari penaklukan Iraq terhadap Kuwait dan kini dunia sedang menyaksikan permusnahan Iraq secara total oleh Tentera Bersekutu yang diketuai oleh Amerika. Ketetapan 678 Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu telah digunakan sehingga melebihi batas-batas seperti yang ditetapkan.

Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, kita telahpun belajar dari pengalaman Perang Dunia Pertama dan Kedua yang telah mengorbankan banyak nyawa dan juga tidak ada usaha-usaha bersungguh-sungguh dan berkesan untuk mendamaikan pihak yang berperang maka sekali lagi kita akan menyaksikan yang menjadi mangsa-mangsa perang bukan sahaja dari pihak tentera tetapi yang turut menjadi korban ialah di kalangan orang-orang tua, wanita dan kanak-kanak yang tidak berdosa.

Dalam usaha damai Perang Teluk ini, pihak Kementerian Luar Negeri telahpun turut memberikan sumbangan ke arah perdamaian tetapi kita berkehendak penjelasan lebih lanjut tentang langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh pihak Kementerian berhubung dengan perkara ini.

Saya ingin menarik perhatian Dewan bahawa sewaktu pembentangan Belanjawan 1991 yang dibuat pada 14 Disember 1990 yang lalu, ketika itu Perang Teluk belum meletus dan keadaan ekonomi dunia berada pada tahap yang baik tetapi pada hari ini, keadaan sudah berubah, Hari ini perang telah masuk minggu kelima. Kesan perang telah dapat dirasai di mana kilang-kilang telah mengalami permintaan yang lembab dan jika perang berterusan, hal ini memberi gambaran kepada kita bahawa masa hadapan ekonomi negara akan suram dan kemerosotan ekonomi negara pasti akan berlaku. Pada hari ini pun ekonomi negara lain seperti Jepun turut merosot kerana kadar pertumbuhan tahun ini

dijangka hanya pada paras 3.7% berbanding dengan 6.1%.

Mengikut kajian semula Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia, kadar pertumbuhan ekonomi Malaysia dijangka berkembang pada kadar 7,3% tahun ini berbanding dengan jangkaan yang dibuat iaitu sebanyak 8.5%. Oleh yang demikian, Kementerian Kewangan harus menyediakan satu rangka pendek untuk menghadapi kemerosotan ekonomi.

Kementerian Kewangan pada bulan Mac akan dipimpin oleh Menteri yang baru, yang tentu akan dapat menghadapi cabaran yang hebat. Kita berdoa kepada Tuhan agar Perang Teluk segera berhenti agar Menteri Kewangan yang baru dapat memulakan tugas dalam keadaan ekonomi yang baik.

Sebagaimana kita sedia maklum dalam perbentangan Belanjawan Negara yang baru lalu, terdapat satu peruntukan yang baru dalam konteks untuk melahirkan masyarakat penyayang. Peruntukan ini memperlihatkan kepada kita betapa prihatinnya pihak Kerajaan terhadap nasib anak-anak yatim dan orang-orang tua serta orang cacat. Dalam melahirkan masyarakat penyayang ini, penjagaan alam sekitar mempunyai hubungan yang rapat dengan manusia sebagai penghuni alam. Tegasnya, Tuan Yang di-Pertua, manusia tidak dapat hidup bahagia dan menjadi manusia penyayang jika kehidupannya diancam oleh pencemaran alam yang menjejaskan hidup serta memusnahkan ekonomi manusia.

Baru-baru ini kita telah diberitahu tentang Ampangan Air Durian Tunggal telah kering yang menyebabkan rakyat negeri Melaka telah kekurangan air, dan Kerajaan Negeri terpaksa meminta bantuan dari Negeri Sembilan dan Johor. Mengenai kes ini laporan terakhir menyatakan bahawa kekeringan air di Ampangan Air Durian Tunggal disebabkan oleh kebocoran. Jika ianya benar-benar bocor, dengan takungan air pada awal bulan Januari, di Ampangan tersebut mempunyai 1.5 billion liter air, sedangkan keupayaan maksimum Ampangan tersebut ialah sebanyak 20.5 billion liter. Ini bererti jika ia mengalami kebocoran bermakna sebanyak 19 billion liter air telah mengalir keluar, maka sudah tentulah beberapa kawasan sekitar Ampangan tersebut akan mengalami banjir atau ianya dapat dikesan dalam masa yang singkat tentang kebocoran tersebut.

Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, berita kebocoran ini amat meragukan kita. Sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa Malaysia sebagai sebuah negara tropika mengalami iklim equatorial mengutip peratusan hujan yang tinggi sepanjang tahun, tambahan lagi kebanyakan hutan di negara kita ialah hutan hujan tropika yang mengandungi kepelbagaian pokok yang mampu untuk menyimpan air dengan banyak. Adalah sesuatu yang menghairankan kalau Melaka, misalnya, mengalami kekurangan air. Masalah itu sebenarnya mempunyai hubungan-kait dengan pencemaran alam sekitar akibat dari pembangunan yang tidak dirancang, supaya sesuai dengan hukum alam di mana yang lalu yang menyebabkan kekurangan kawasan-kawasan tadahan untuk

dijadikan ampangan kerana eksploitasi kawasan hutan sebagai sumber ekonomi.

Pada masa ini masalah kekurangan air ini sedang dihadapi oleh rakyat di beberapa buah negeri, iaitu di Kedah dan di Perlis. Ampangan Muda dan Ampangan Pedu di Kedah kini sedang menghadapi kekurangan air yang banyak. Beribu-ribu hektar sawah padi di luar kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda iaitu MADA di Kedah terutamanya di Pendang, Padang Terap dan Langkawi kini mengalami masalah kekurangan air. Di Kedah, dalam tahun lalu Daerah Gurun telah mengalami banjir yang cukup teruk, di mana kawasan ini sebelumnya tidak pernah mengalami banjir seteruk itu.

Kajian menunjukkan kejadian banjir ini disebabkan oleh kerja-kerja pembalakan di kawasan Gunung Jerai yang tidak terancang dengan betul. Di Perlis pula, kekurangan air untuk sawah padi bukan sahaja menjejaskan sawah padi di Perlis utara yang terletak di luar MADA, malah sawah padi di dalam kawasan MADA di Perlis Selatan juga turut terjejas.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perbincangan mengenai pencemaran alam sekitar yang memberi kesan buruk kepada kehidupan rakyat, saya ingin menyentuh beberapa perkara dalam perkembangan terakhir di mana pencemaran sungai berlaku dengan teruknya di Kampung Kundur Hilir, Negeri Sembilan, yang menyebabkan tanah sawah tidak dapat dikerjakan oleh penduduk tempatan serta menjejaskan mata pencarian mereka. Pencemaran sungai ini juga telah menyebabkan bau yang amat busuk yang terpaksa dihidu oleh penduduk tiap-tiap hari.

Di Pulau Langkawi, atas nama pembangunan, Gunung Raya yang

setinggi 2,840 kaki yang indah dan cantik kini akan dibangunkan. Mengikut structure plan Langkawi di atas gunung ini akan dibina dengan hotel dan restoran. Kerja-kerja pembinaan jalan di atas gunung tersebut telah mula dijalankan. Akibat kerja-kerja ini hakisan tanah berlaku menyebabkan tanah-tanah sawah padi di Mukim Hulu Melaka yang terletak di kaki gunung telah diancam oleh tanah-tanah merah yang masuk ke dalam sawah menyebabkan 400 ekar tanah sawah rosak dan memusnahkan rezeki ramai penduduk. Hakisan tanah ini juga telah mengakibatkan suatu tempat rekreasi yang bernama Lubuk Sembilang yang terletak dalam Mukim Hulu Melaka telah dipenuhi dengan tanah-tanah lumpur yang berwarna kuning masuk menghuni sungai-sungai di tempat tersebut. Sehingga kini taman rekreasi ini telah ditutup kepada orang ramai kerana pihak-pihak tertentu sedang menjalani atau menjalankan kerja-kerja pemulihan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau mahu dihitung saya kira terlalu banyak kes-kes pencemaran alam berlaku dalam negara kita ini.

Mengikut Profesor Syed Naquib Alatas, pencemaran alam ini berlaku ialah kerana masyarakat tidak tahu bagaimana mengurus alam sekitar dengan betul, dan menurut Profesor Dr Jaafar Sheikh Edros seorang ulama Sudan, beliau menyatakan bahawa kerosakan alam yang wujud di dunia pada hari ini ialah sebagai akibat kerosakan moral manusia.

Sebagai kesimpulan, Tuan Yang di-Pertua, dan sebagai manusia, lebih-lebih lagi sebagai pemimpin, kita harus melihat alam sekitar satu amanah Tuhan yang patut dijaga dan dipelihara dengan teratur. Kita tidak mahu atas nama pembangunan alam sekitar dicemar dan

dimusnahkan sehingga pusingan ekologynya terhenti.

Saya yakin Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian akan bersetuju, kalau saya katakan bahawa kita tidak mahu hujan asid berlaku di hutan dan juga tidak mahu hujan asid ini berlaku di negara kita. Atas alasan inilah maka Perdana Menteri Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad berkehendakkan supaya perancangan masa depan Langkawi memberi perhatian utama kepada aspek pemeliharaan alam sekitar sejajar dengan Deklarasi Langkawi. Beliau berkehendakkan pembangunan dan pemeliharaan alam sekitar perlu di-seimbangkan keduanya agar saling melengkapi antara satu dengan lain.

Berdasarkan kepada keperluan di atas, saya ingin bertanya kepada Kementerian Kewangan apakah Kementerian bercadang untuk mengadakan satu peruntukan khas kepada aspek pemeliharaan alam sekitar dalam Belanjawan 1992 sebagai lanjutan untuk melahirkan masyarakat penyayang?

Tuan Yang di-Pertua, beberapa hari yang lalu masyarakat Cina di Malaysia telahpun menyambut Tahun Baru Cina dan saya hendak mengambil kesempatan ini mengucapkan "Gong Xi Fa Cai" kepada rakan-rakan saya. Dengan penuh meriah sebagai lazimnya dalam tradisi masyarakat Tionghua bermain mercun merupakan amalan yang dominan dalam menyambut Tahun Baru Cina.

Pada tahun ini sempena menyambut Tahun Baru Cina, RTM menerusi Berita Wilayah pada 15hb Februari, 1991 melaporkan sebanyak 6 kes kebakaran. Enam kes kebakaran telah berlaku sempena menyambut Tahun Baru Cina di mana kerugian dianggarkan berjuta-juta ringgit,

punca kebakaran itu ialah kerana pembakaran mercun dan bunga **api**. Seorang keturunan Tionghua telah dimasukkan ke Hospital Besar Alor Setar, Kedah kerana kelima-lima jarinya telah putus akibat dari **bermain** mercun. Di bandar Sarawak, RTM melaporkan menerusi Berita Wilayah pada 15hb Februari, 1991 juga pada jam 6.00 petang bahawa bandar Sarawak diselubungi asap tebal kerana pembakaran mercun. Menurut Pembaca Berita, bandar Sarawak seolah-olah ianya sedang menghadapi satu peperangan kerana diselubungi dengan asap dan bunyi letupan yang kuat, dan pembaca Berita tersebut memberi komen bahawa peraturan membakar mercun yang ditetapkan oleh Kementerian Dalam Negeri tidak dipatuhi.

Baru-baru ini kita dilaporkan bahawa 38 kes kebakaran di Johor semasa perayaan Tahun Baru Cina, dan ada dua di antara enam kes yang saya hendak sebutkan **ini**, Tuan Yang di-Pertua, berlaku di sebuah tempat yang dipanggil Kampung Pisang Awak iaitu di Jelutong, Pulau Pinang.



Dua buah rumah yang dimiliki oleh penghuni berketurunan Melayu-telah hangus terbakar.

Saya sempat melawat ke tempat kejadian dan apa yang membimbangkan kita di samping kebakaran itu berlaku, suatu pergaduhan antara penghuni rumah dengan beberapa orang Cina yang dikatakan menyebabkan kebakaran itu kerana bermain mercun dan bunga api. Melihat kepada kejadian ini, sewajarnya kita berasa bimbang kalau pergaduhan meletus dan ianya boleh merebak kepada pergaduhan kaum.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa kes yang dibentangkan tadi merupakan kes yang dilaporkan dan kemungkinan terdapat banyak lagi kes-kes yang tidak dilaporkan secara rasmi. Sebelum kita meminta pihak Kementerian Dalam Negeri berbuat sesuatu mengenai masalah ini, saya ingin merujuk kepada satu komen yang dibuat oleh seorang doktor wanita berbangsa Tionghua dari Universiti Malaya yang disiarkan oleh RTM menjelang Tahun Baru Cina. Menurut beliau, sejarah membakar mercun ialah bermula dua ribu tahun yang lalu di mana di satu tempat di negeri China untuk menghalau kera dan monyet yang seringkali datang memusnahkan tanaman penduduk kampung.

**Tuan Adam bin Kadir:** Di tempat mana di negeri China itu?

**Tuaa Abdul Rashid bin Ismail:** Ya?

**Tuan Adam bin Kadir:** Tempat yang macam mana?

**Tuan Abdul Rashid bin Ismail:** Di sebuah tempat di negara China. Dia sebut di sebuah tempat di negara China. Ini komen daripada doktor tersebut.

**Tuan Adam bin Kadir:** Itu tempat yang ada hutan atau tidak ada hutan? [Ketawa]

**Tuan Abdul Rashid bin Ismail:** Dua ribu tahun yang dahulu, Tuan Yang di-Pertua, saya pun tidak tahulah. Saya pun belum dilahirkan. Ini komen daripada seorang doktor. Tradisi ini telah diwarisi turun-temurun. Jadi inilah saya hendak ceritakan, apa yang dikatakan oleh doktor ini. Tradisi ini diwarisi turun-temurun sehingga ke hari ini dan menurut beliau pada masa ini tradisi sebegini sudah tidak relevant lagi. Ini menurut beliau, bukan saya, Tuan Yang di-Pertua.

Dia menyarankan adalah lebih baik dan munasabah kalau wang yang digunakan untuk membakar mercun didermakan kepada pihak-pihak yang memerlukan; Komen ini datangnya dari seorang yang bukan Melayu dan saya berpendapat bukan semua orang Cina yang bersetuju dengan pembakaran mercun ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalaulah sesuatu tradisi itu mendatangkan kemudharatan yang banyak kepada umat manusia, rasionalnya kita harus mengurbankan tradisi ini demi untuk keselamatan dan keamanan. Kalaulah Singapura sebuah negeri yang majoritinya terdiri dari orang-orang Cina telah mengharamkan pembakaran mercun, tidak ada satu sebab kenapa Kementerian Dalam Negeri harus membenarkannya. Kita mengharapkan Kementerian Dalam Negeri dapat berbuat sesuatu, bukan hanya kepada masyarakat orang Cina tetapi ianya juga harus meliputi kepada hari-hari perayaan orang-orang Islam. Saya berpendapat pembakaran mercun ini ialah suatu yang membazir dan ditegah oleh ajaran Islam.

Tuan Yang di-Pertua, ucapan seterusnya mempunyai hubung kait dengan Kementerian Dalam Negeri. Pada waktu ini keamanan negara bukan hanya bergantung kepada kestabilan politik dan ekonomi negara semata-mata tetapi ia juga bergantung kepada kecekapan anggota polis

dalam mengendalikan kes-kes untuk keamanan negara. Dalam proses perundangan negara, semua kes-kes yang berkaitan akan dikendalikan menerusi mahkamah. Mereka yang didapati bersalah yang terdapat menjalani hukuman penjara akan melalui satu proses pemulihan agar dapat menjadi manusia yang baik. Dengan kata lain, penjara merupakan satu tempat yang melatih dan mendidik penghuni-penghuninya agar dapat membina peribadi yang terpuji nanti dan ianya akan hidup dengan masyarakat seperti biasa apabila keluar nanti. Dan Pegawai-pegawai Penjara pula ialah pekerja-pekerja yang diamanahkan oleh Kerajaan untuk menjalankan tugas dengan sebaik mungkin. Berjaya atau tidak pihak penjara dalam membentuk peribadi banduan banyaknya bergantung kepada potensi serta perilaku pegawai-pegawai penjara itu sendiri.

Dalam hal ini kita merasa terkejut apabila pihak akhbar **Utusan Malaysia** pada 26hb Okcober telah mendedahkan bahawa terdapat beberapa orang pegawai penjara terlibat dengan kes penyeludupan dadah dalam penjara. Penyeludupan rokok juga telah dikatakan berlaku kepada banduan. Penjara Pulau Pinang mencatat jumlah kes penyeludupan dadah yang paling tinggi dalam tahun lalu.

Saya ingin menggesa pihak Kementerian Dalam Negeri supaya mengharamkan semua para pegawai penjara menghisap rokok sewaktu bertugas supaya kegiatan penyeludupan dapat dihindarkan. Amalan tidak menghisap rokok sewaktu bertugas bukanlah satu yang luar biasa. Jika kita melihat dari sudut sejarah, anggota polis pada waktu sebelum Allahyarham Tun Hussein Onn menjadi Perdana Menteri telah menjalankan tugas tanpa merokok. Keadaan ini telah berubah setelah Tun Hussein Onn menjadi Perdana Menteri Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, pada waktu ini sektor pelancongan telah mengalami kemerosotan berikutan perang Teluk. Perniagaan hotel di Perak telah merosot 50% kerana berkurangnya para pelancong yang datang dari Hongkong, Singapura, Jepun dan Amerika. Di Pulau Pinang pula 30% dari dua juta pelancong telah membatalkan tempahan mereka untuk melawat Pulau Pinang pada tahun ini. Sebelum perang Teluk meletus, sektor pelancongan merupakan satu sektor tumpuan. Untuk mengendalikan kedatangan para pelancong, beberapa badan seperti TDC telah memberikan perkhidmatan yang cemerlang khususnya kepada para pelancong. Di samping badan-badan ini terdapat juga badan sukarela yang lain telah memberikan perkhidmatan kepada pelancong yang menghadapi masalah. Sepatutnya badan-badan sukarela seperti Kelab Cinta Malaysia yang tidak pernah menerima bantuan kewangan dari Kerajaan tetapi telah memberikan satu perkhidmatan yang cukup baik dalam menaikkan imej negara Malaysia perlulah diberi sokongan dan penghargaan. Tetapi kita telah diberitahu bahawa badan-badan sukarela ini telah tidak mendapat kerjasama yang baik dari pihak-pihak tertentu. Apakah pihak Kementerian Pelancongan sedar tentang kewujudan perkara ini. Saya amat berharap agar Kementerian Pelancongan agar dapat memberi kerjasama dan bimbingan kepada badan seperti Kelab Cinta Malaysia ini agar dapat membantu membangunkan sektor pelancongan di masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Perdana Menteri Dato' Seri Dr, Mahathir Mohamed telah membuat kenyataan mengenai terlalu banyak adegan ganas dan babak seks yang ditayangkan di televisyen di negara kita sekarang ini. Sebelum ini telah banyak para pengkritik menegur

mengenai masalah ini kerana kita berpendapat RTM dan TV3 jangan sampai memperjudikan maruah rakyat. Sepatutnya pihak Kementerian Penerangan peka tentang kritikan yang membina ini dan janganlah sampai sehingga Perdana Menteri menegur barulah mengambil tindakan. Sepatutnya kita fahara bahawa banyak lagi tugas-tugas lain yang Perdana Menteri mahu membuat dan perkara-perkara yang sebegini sepatutnya dapat diselesaikan sendiri.

Saya ingin menarik perhatian pihak Kementerian Penerangan bahawa di samping babak ganas dan seks yang tersiar di TV3 dan RTM patut dihapuskan, ada satu lagi pendedahan yang memberi kesan buruk kepada penonton iaitu filem-filem yang mendedahkan satu cara hidup mewah ala barat.

Dari sudut saikologinya, filem-filem ini akan mempengaruhi penonton utama iaitu golongan-golongan muda gaya hidup yang demikian yang akan menjadi idaman dalam membentuk masa depan keluarga. Ibnu Khaldun sarjana Islam telah menyatakan penamaan yang terdapat sebagai sociologist dunia menyebutkan bahawa gaya hidup mewah adalah punca-punca utama rasuah. Golongan yang seringkali yang melakukan skandal-skandal rasuah dan pecah amanah didorong oleh nafsu untuk memenuhi tuntutan gaya hidup mewah yang sebenarnya di luar kemampuan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bermaksud RTM dan TV3 ini dapat bertindak serentak untuk menghentikan penayangan filem-filem ini tetapi pihak yang berkenaan haruslah berusaha mengkaji kesan ke atas masyarakat dan pengurangan filem-filem ini perlu dibuat berperingkat-peringkat. Kesan filem-filem sebegini yang mempengaruhi character manusia secara serius kerana saya menganggap bahawa TV merupakan satu ciri pendidikan tidak formal. Oleh hal yang demikian, filem-filem yang mendidik masyarakat hendaklah sesuai dan cucuk dengan falsafah pendidikan negara, Tegasnya, Tuan Yang di-Pertua, kita mahu melihat pembangunan yang sedang berjalan di negara kita ini satu bentuk pembangunan yang integrated.

Akhir sekali, saya ingin menyuarakan mengenai masalah 30,000 pelajar di seluruh negara pada tahun 1990 yang memasuki Tingkatan I tetapi tidak boleh menulis, membaca dan mengira dengan lancar dan saya ingin tahu apakah pihak Kementerian Pendidikan ingin berbuat untuk mengatasi masalah ini. Kalau boleh, pihak Kementerian juga

hendaklah memberitahu bagaimanakah masalah ini boleh berlaku. Adakah kerana soalan-soalan terlalu sukar untuk dijawab oleh pelajar atau kerana guru-guru yang mengajar yang tidak memiliki potensi yang baik?

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kerana peluang diberi kepada saya untuk membahas Belanjawan dan saya ingin menyokong Belanjawan yang telah dibentangkan oleh Menteri Kewangan pada petang semalam. Sekian, terima kasih.

**Tuan Adam bin Kadir:** Sila Yang Berhormat.

#### **4.54 ptg.**

**Tuan P. Balaram:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga seperti rakan-rakan saya bangun untuk menyokong penuh Belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, Dato' Paduka Daim Zainuddin pada 14hb Disember, 1990 yang lalu. Saya mohon menyampaikan ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan kita kerana membentangkan Belanjawan itu dengan penuh tanggungjawab dan menarik.

Rang Undang-undang ini bukan sahaja mendapat perhatian Ahli-ahli Dewan dari pihak Kerajaan dan Pembangkang malah ianya mendapat sambutan dan kesan balas yang baik oleh masyarakat umum, iaitu kumpulan sasar Kerajaan, rakyat jelata mahupun di luar bandar, terutama sekali dengan pengenalan konsep memupuk masyarakat penyayang dan program bantuan untuk keluarga termiskin.

Tuan Yang di-Pertua, pembentangan Belanjawan Negara yang begitu rupa adalah melambangkan mutu pentadbiran kewangan negara yang begitu teliti, padat dan kukuh yang menyebabkan Kerajaan Barisan Nasional terus diterima oleh rakyat dan menjadi tempat mereka menaung tanpa perasaan bimbang dan dipengaruhi oleh anasir-anasir bersikap "tikus mahu membaiki labu" dan amalan angan-angan Mat Jenin yang akhirnya jatuh tersepuk di perdu kelapa yang sedang dia berangan-angan di atas pucuknya.

Tuan Yang di-Pertua, pada kesempatan ini saya mohon mengucapkan tahniah dan selamat bersara dari jawatan Menteri Kewangan kepada Yang Berhormat Dato' Paduka Daim Zainuddin semoga khidmat dan jasa Yang Berhormat yang begitu besar terhadap pemulihan, pembangunan dan perancangan ekonomi serta kewangan negara akan menjadi panduan dan perangsangan kepada pengganti Yang Berhormat kelak. Semoga Yang Berhormat dipanjangkan umur, murah rezeki dan sihat sejahtera. Tahniah juga saya ingin mengucapkan kepada Yang Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim yang akan mengambil alih jawatan Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan Negara 1991 sudahpun dibentangkan dan saya pohon supaya pelaksanaannya kelak hendaklah dibuat dengan penuh adil, saksama dan jujur sesuai dengan hasrat dan aspirasi Kerajaan Barisan Nasional pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad yang terus menjadi pilihan rakyat. Semoga dengan pengurusan yang bersih, cekap dan amanah ini maka usaha pemupukan masyarakat penyayang akan tercapai dan program bantuan untuk rakyat termiskin terbela.

Tuan Yang di-Pertua, dalam melaksanakan program dan dasar Kerajaan **ini**, jentera pentadbiran di semua peringkat perkhidmatan awam hendaklah dipertingkatkan lagi supaya niat dan visi suci Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan rakan Kabinetnya serta Kerajaan pimpinannya tidak punyai peluang untuk dikritik dan diganggu-gugat lagi. Pelaksanaan tugas di semua peringkat sama ada di Kementerian, Jabatan dan Pejabat-pejabat Penghulu dan JKKK di kampung-kampung hendaklah disempurnakan dengan penuh rasa tanggungjawab dan muhibbah serta kasihan balas tanpa pilih-kasih sesuai dengan motto Kerajaan Barisan Nasional, Tradisi, Membela Rakyat.



Tuan Yang di-Pertua, masih terdapat kelemahan-kelemahan yang sepatutnya diperbaiki dan dipertingkatkan kemajuannya yang perlu mendapat perhatian pihak atasan, khasnya Kementerian-kementerian yang berkenaan kerana mungkin dianggap renggang dan dipandang sepi oleh pihak Jabatan-jabatan di peringkat bawahan. Tetapi kesan buruknya berbalik kepada Kerajaan dan pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Perdana Menteri tercabar, lebih-lebih lagi apabila ditiup oleh anasir-anasir yang mengambil kesempatan darinya dan dengan itu visi suci Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjadi sia-sia belaka.

Tuan Yang di-Pertua,....

**Tuan Adam bin Kadir:** Yang dimaksudkan tadi visi suci ataupun cuci, Yang Berhormat?

**Tuan P. Balaram:** Visi suci.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana kita maklum, Kementerian Pendidikan mendapat satu peruntukan yang terbesar sekali dalam Belanjawan yang dibentangkan baru-baru ini. Sepanjang masa Yang Berhormat Menteri Pendidikan, Saudara Dato' Seri Anwar Ibrahim menjadi Menteri Pendidikan, beliau mengenalkan beberapa inovasi-inovasi ataupun perubahan-perubahan dan rombakan-rombakan dalam sistem pendidikan kita. Saya berharap Menteri yang mengambil alih tugas daripada Yang Berhormat Menteri Pendidikan juga sama berusaha dan seperti Yang Berhormat Saudara Dato' Seri Anwar Ibrahim.

Dalam beberapa bulan lagi, Kerajaan kita akan membentangkan Akta Pendidikan ataupun Akta Pelajaran 1991 ataupun Pindaan kepada Akta Pendidikan. Saya merayu kepada semua pihak yang terlibat dalam perbincangan dan perundingan Akta Pendidikan 1991 itu supaya berhati-hati agar apabila membuat pindaan supaya sistem pendidikan di negara kita dapat dimajukan lagi dan melalui sistem pendidikan kita dapat mencapai hasrat negara kita, iaitu integrasi nasional.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengesyorkan kepada Kementerian ini supaya memberi perhatian yang penting dan sewajarnya kepada sekolah-sekolah di luar bandar dan di estet-estet. Kebanyakan bangunan-bangunan sekolah di luar bandar dan di estet-estet usang dan tidak dibaiki. Ada sekolah-sekolah tanpa padang permainan, tanpa kantin, walaupun ada kantin tetapi tidak seimbang dengan saiz sekolah. Ada kalanya murid-murid atau penuntut-penuntutnya seramai 2,000 tetapi kantin-kantin itu cuma boleh menampung seramai 200 atau 300 murid sahaja. Sekolah-sekolah di bandar dibekalkan dengan komputer-komputer tetapi sekolah-sekolah di luar bandar dan di estet-estet tidak mempunyai mesin taip.

Setelah negara kita merdeka 31 tahun dahulu, sekolah-sekolah di luar bandar dan di estet-estet masih di atas tanah swasta. Oleh kerana kedudukan sekolah-sekolah itu di tanah swasta, maka Kementerian ini kerap mengatakan Kementerian tidak boleh memberi apa-apa bantuan kepada sekolah-sekolah itu kerana sekolah-sekolah itu adalah terdiri di atas tanah swasta dan sekolah-sekolah itu bantuan modal sahaja.

Jadi, saya merayu kepada pihak Kementerian Pendidikan supaya janganlah menganaktirikan sekolah-sekolah di luar bandar dan di estet-estet. Berilah peluang-peluang dan bantuan-bantuan kepada sekolah-sekolah di luar bandar dan estet-estet sepertimana diberi peluang-peluang kepada sekolah-sekolah di bandar.

Tuan Yang di-Pertua, dalam sistem pendidikan kita sekarang ini kebanyakan ibu bapa-ibu bapa hilang kepercayaan dalam Tingkatan Enam dan peperiksaan STPM. Saya rasa peperiksaan STPM ini tidak sesuai lagi walaupun STPM ini merupakan sebagai satu peperiksaan kelayakan untuk memasuki universiti-universiti. Tetapi pelajar-pelajar yang memasuki peperiksaan ini ada kalanya tidak dapat mencapai matlamat mereka iaitu dapat masuk ke universiti. Ada beberapa ibu bapa mahu anak mereka ini mengikuti kursus-kursus sains seperti perubatan, kejuruteraan dan lain-lain di universiti-universiti tempatan. Anak-anak mereka dimasukkan di dalam Tingkatan Enam supaya mereka boleh mengambil peperiksaan STPM dan seterusnya setelah lulus di dalam peperiksaan itu, boleh masuk ke universiti-universiti.

Tetapi malangnya pelajar-pelajar yang masuk mengambil peperiksaan STPM- ini kerap kali tidak berjaya. Pelajar-pelajar yang saya sebutkan ini adalah pelajar-pelajar rajin dan dalam peperiksaan SPM pula kebanyakan pelajar-pelajar ini mendapat 7 atau 8 Distinction. Jadi, harapan ibu bapa hampa sahaja kerana anak-anak mereka ini tidak dapat melanjutkan pelajaran mereka dalam bidang-bidang yang dimahukan iaitu perubatan atau kejuruteraan dan sebagainya. Jadi, saya syorkan kepada Kementerian Pendidikan supaya mengenalkan satu ujian kelayakan ataupun peperiksaan kelayakan untuk pelajar-pelajar yang ingin masuk ke universiti-universiti. Setahu saya ada beberapa orang ibu bapa ini tidak mahu anak mereka melanjutkan dalam Tingkatan Enam dan sebaliknya pula selepas

peperiksaan SPM, anak-anak mereka dihantar ke institusi-institusi swasta untuk melanjutkan pelajaran dalam A Level, Matrikulasi dan lain-lain supaya selepas lulus dalam A Level dan Matrikulasi dan sebagainya, dan melalui peperiksaan-peperiksaan ini mereka dapat jaminan bahawa anak-anak mereka ini boleh melanjutkan pelajaran mereka di luar negeri dalam bidang-bidang yang mereka ingini.

Jadi, oleh kerana ramai pelajar-pelajar tempatan kita ini ke luar negeri untuk melanjutkan pelajaran mereka, maka negara kita pun hilang banyak wang kepada negara-negara luar. Jadi, apabila Akta Pendidikan 1961 dipindahkan nanti, saya harap Kementerian Pendidikan dapat mengubahsuaikan peperiksaan STPM.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang Kementerian Sumber Manusia. Saya ingin mengucapkan syabas kepada Menteri berkenaan kerana akhir-akhir ini kita dapati Menteri Sumber Manusia ini mengambil langkah-langkah atau tindakan-tindakan dengan cepat untuk menyelesaikan beberapa masalah yang bersangkutan-paut dengan Kementerian Sumber Manusia. Kementerian ini juga harus menyedari bahawa sektor perladangan di negara kita ini begitu penting dalam pembangunan ekonomi negara dan sektor perladangan ini makin lama makin banyak kerumitan dan masalah-masalah yang dihadapinya terutama sekali pekerja-pekerja.

Baru-baru ini sektor perladangan ini terpaksa mengiklankan dalam suratkhobar-suratkhobar untuk mendapatkan pekerja-pekerja dari dalam negeri dan juga dari luar negeri. Jika trend ini diteruskan maka saya percaya sektor perladangan ini akan jadi, under productive, dengan izin, dan ekonomi negara kita akan terancam.

Untuk menarik pekerja-pekerja mahir ke sektor perladangan, Kerajaan harus memperbaiki taraf kedudukan pekerja-pekerja itu. Apa yang berlaku pada masa sekarang ialah Kerajaan kita bergantung sebulat-bulatnya kepada budibicara tuanpunya-tuanpunya ladang untuk memajukan taraf hidup pekerja-pekerja di sektor perladangan ini. Majikan-majikan ini dalam mencari kekayaan dan keuntungan yang makin bertambah tidak menghiraukan kehendak-kehendak atau keperluan-keperluan pekerja mereka. Ada rumah pekerja-pekerja yang boleh dibandingkan dengan kandang lembu. Rumah-rumah ini tidak mempunyai kemudahan-kemudahan asas seperti air paip, elektrik dan sebagainya. Sebagai rakyat yang bertanggungjawab yang membayar cukai kepada Kerajaan, mereka layak mendapatkan kemudahan-kemudahan asas dan lain-lain keperluan hidup, seperti juga lain-lain pekerja dalam perkhidmatan Kerajaan.

Jadi, walaupun isu ini telah dibawa ke Dewan ini sejak beberapa tahun tetapi tidak didapati apa-apa perubahan sampai sekarang. Dalam keadaan begitu rupa, maka pekerja-pekerja di estet-estet tidak ingin bekerja dalam estet-estet lagi, sebaliknya pula mereka pergi ke pekan-pekan untuk bekerja di kilang-kilang perusahaan, lebih-lebih lagi begitu banyak kilang-kilang diwujudkan dalam negara kita dan pekilang-pekilang ini memberi perkhidmatan bas untuk pekerja-pekerja mereka untuk membawa pekerja-pekerja dari estet-estet. Jadi, saya syorkan kepada Kementerian Sumber Manusia ini supaya mempercepatkan usaha-usaha mereka untuk mewujudkan kemudahan-kemudahan asas yang penting dan mewujudkan satu suasana yang baik untuk pekerja-pekerja itu terus bekerja di ladang-ladang getah dan ini akan mempertingkatkan lagi ekonomi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua dalam Belanjawan yang dibentangkan baru-baru ini, satu golongan yang besar iaitu golongan yang menerima gaji bulanan rakyat Malaysia sangat gembira kerana kelonggaran dan pelepasan cukai yang diberi dalam cukai pendapatan mereka. Tindakan Kerajaan ini akan menolong golongan tertentu ini untuk menjimatkan wang mereka dan dapat meninggikan kedudukan mereka. Tetapi ada beberapa sungutan-sungutan bahawa Jabatan Hasil Dalam Negeri selalu lewat menguruskan sesuatu hal, begitu juga selalu lewat menjawab pertanyaan-pertanyaan pembayar cukai. Apabila Jabatan Ini mahukan jawapan ataupun sesuatu penerangan daripada pembayar cukai, mereka beri tempoh had, surat/pertanyaan ini hendaklah dijawab dalam sebulan ataupun bayaran ini hendaklah dibuat dalam sebulan, tetapi Jabatan itu pula mengambil berbulan-bulan untuk menjawab pertanyaan pembayar cukai. Begitu juga dalam pembayaran cukai kalau ada seseorang pembayar cukai yang telah membayar berlebihan cukai dan apabila diminta balik pembayaran cukai berlebihan itu, Jabatan ini mengambil masa berbulan-bulan untuk menjawab dan untuk menghantar bayaran itu. Tetapi sebaliknya kalau pembayar cukai itu bayar cukai yang kena dibayar olehnya itu lewat sedikit daripada had yang diberi oleh Jabatan ini, maka pembayar cukai ini kena bayar denda atau penalti, tetapi apabila Jabatan ini bayar balik kelebihan bayaran itu selepas beberapa tahun, Jabatan ini tidak bayar apa-apa faedah kepada bayaran yang dibayar berlebihan itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Badan-badan di bawah Kementerian ini seperti KEMAS dan lain-lain lagi hendaklah diperkemaskan lagi. Apa yang kita dapat pada masa ini Pegawai-pegawai KEMAS cuma bekerja

kuat dan bergiat usaha menjelang pilihanraya sahaja, lepas itu mereka senyap sahaja.....

**Tuan Adam bin Kadir:** Mereka tidak buat kerja lain, sebab itu senyap sahaja!

**Tuan P. Balaram:** Ini slow sedikit, Tuan Yang di-Pertua, tidak begitu cergas macam mereka bekerja pada masa pilihanraya. Saya ucapkan syabas kepada Kementerian ini kerana kebelakangan ini Kementerian ini mementingkan pendidikan pra-sakolah di kawasan luar bandar. Saya syorkan kepada Kementerian ini bahawa kelas-kelas pra-sekolah ini dibuka di tiap-tiap estet di mana terdapat bilangan murid yang cukup.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perusahaan Awam. Kementerian ini meluluskan permit-permit ataupun lesen-lesen untuk bas-bas pesiaran, bas-bas sekolah, bas-bas kilang dan lain-lain kenderaan.

DN.19,2.91

Kerapkali saya dapat tahu mereka tidak teliti dalam kelulusan sesuatu permit. Dalam pengalaman saya, saya juga terdapat ada seorang pekerja di estet minta satu permit teksi dapat dalam dua bulan, permohonannya lulus dalam dua bulan. Tetapi ada seorang lain pula, dia menyewa permit orang lain bertahun-tahun. Beliau membawa teksi orang lain, permit orang lain, 10 kali beliau pergi untuk temuduga, tetapi gagal. Jadi, orang-orang yang terlibat dalam perusahaan itu tidak diberi pertimbangan yang sewajarnya, tetapi orang-orang luar yang tidak terlibat, baru sahaja memohon dapat permit-permit itu. Oleh itu, saya minta Kementerian ini supaya meneliti sedikit apabila Kementerian ini meluluskan permit-permit.

Begitu juga baru-baru ini Kementerian Perusahaan Awam ini memberi kepentingan dan perhatian yang khas kepada syarikat-syarikat kompeni-kompeni yang memohon permit teksi. Kalau syarikat-syarikat dan badan-badan sahaja diberi keutamaan, saya rasa tidak begitu adil. Pemandu persendirian dan penyewa tidak harus diketepikan. Begitu juga permohonan permit bas-bas kilang, bas persiaran, lori dan lain-lain hendaklah disiasat terlebih dahulu sebelum diluluskan. Ada beberapa kawasan industri, beberapa pengurus kilang-kilang ini mengadu bahawa Kementerian ini tidak meluluskan permohonan-permohonan untuk bas kilang mereka itu. Oleh kerana tidak lulus permohonan itu, tidak menambahkan bas kilang itu, pekilang-pekilang ini tidak dapat memperkembangkan lagi, meluaskan lagi industri-industri mereka. Oleh itu, saya syorkan kepada Kementerian ini supaya melawat ke sesuatu kilang industri apabila mereka membuat permohonan selepas meneliti ataupun menyelidiki



keperluannya, maka Kementerian itu boleh meluluskan permit-permit mengikut kehendak kilang-kilang atau kawasan-kawasan tertentu itu.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Peranan Kementerian ini dalam merancang dan mentadbirkan sesuatu bandar atau kawasan sangat penting. Oleh itu, pegawai-pegawai yang mahir dan cukup bilangannya hendaklah ditempatkan di jabatan-jabatan di bawah Kementerian ini, terutamanya Pegawai-pegawai Perancang Bandar dan Desa. Ramai pemaju-pemaju perumahan selalu menghadapi masalah kerana kekurangan pegawai-pegawai di Jabatan Perancang Bandar dan Desa. Apabila mereka memajukan permohonan mereka untuk memajukan sesuatu projek perumahan, Pegawai Perancang Bandar hendaklah pergi memeriksa kawasan yang dicadangkan untuk projek perumahan itu.

Apa yang berlaku pada masa ini ialah oleh kerana banyak projek-projek yang dipohon dan kurang pegawai-pegawai di Jabatan Perancang Bandar dan Desa, maka masa yang diambil oleh mereka itu sangat lama, kadang-kadang tiga atau empat bulan, sampai enam atau tujuh bulan. Jadi, projek-projek pemaju-pemaju ini menghadapi beberapa masalah. Jadi, saya syorkan kepada Menteri yang berkenaan supaya melantik beberapa pegawai yang mahir di dalam Jabatan Perancang Bandar dan Desa supaya mereka dapat menjalankan tugas mereka dengan cepat, yang mana untuk membangunkan sesuatu kawasan atau bandar.

Begitu juga Kementerian ini dalam melantik ahli-ahli Majlis untuk menjalankan sesuatu Majlis Perbandaran harus mengadakan garis panduan yang tertentu. Ahli-ahli Majlis yang dilantik sekarang oleh Kementerian ini ramai yang tidak layak atau tidak tahu apa yang sedang berlaku atau tidak tahu bagaimana mahu merancang sesuatu

projek untuk kebaikan dan pembangunan sesuatu bandar atau kawasan yang mereka bertugas itu. Jadi, ahli-ahli Majlis yang dilantik itu harus mempunyai kelayakan minimum dan yang boleh mengikuti prosedur-prosedur Majlis. Kalau ahli-ahli yang dilantik itu tidak boleh memahami prosedur-prosedur, tidak boleh menyumbangkan terhadap pembangunan dan kemajuan kawasan atau bandar itu, maka saya fikir perlantikan mereka itu sia-sia sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan. Nampaknya Kementerian ini selalu memberi perhatian yang penting kepada kesihatan di bandar-bandar sahaja. Kementerian ini harus memberi perhatian yang penting kepada kesihatan di luar bandar. Selain daripada membina hospital-hospital di bandar-bandar besar, pusat-pusat kesihatan dan klinik-klinik desa juga harus diberi perhatian. Kemudahan-kemudahan di pusat-pusat kesihatan hendaklah diperbanyakkan lagi dan status pusat-pusat ini hendaklah ditingkatkan kepada hospital-hospital kecil dengan katil-katil. Saya syorkan pusat-pusat kesihatan ini dipertingkatkan statusnya kepada hospital-hospital kecil atau hospital kawasan supaya pesakit-peakit di kawasan luar bandar itu tidak terpaksa pergi ke hospital di bandar. Mereka boleh mendapat rawatan di hospital-hospital ataupun pusat-pusat kesihatan di kawasan mereka.

Oleh itu Kementerian ini hendaklah menambahkan pegawai-pegawai perubatan dan pegawai-pegawai pra-medical di pusat-pusat kesihatan ini. Tindakan ini pula akan mengelakkan kesesakan di hospital-hospital daerah.

Saya juga syorkan kepada Kementerian ini supaya diadakan klinik-klinik bergerak dan klinik-klinik bergerak ini hendaklah melawat ke kawasan-kawasan luar bandar tiap-tiap minggu atau dua kali dalam seminggu supaya penduduk-penduduk di kawasan luar bandar boleh mendapat rawatan di kawasan mereka itu.

Begitu juga Kementerian ini mengumumkan dua tahun dahulu bahawa hospital-hospital di ladang-ladang getah akan dilesenkan dan mutu rawatan di hospital-hospital ini akan dipertingkatkan. Tetapi apa yang kita dapati pada masa ini, sehingga sekarang ini tidak ada apa-apa kelebihan di hospital-hospital itu. Sebaliknya apabila Kementerian ini mengumumkan bahawa semua hospital di estet hendak dilesenkan maka beberapa hospital di estet ditutup kerana mereka tidak mahu terikat dengan syarat-syarat Kementerian ini. Jadi, Pekerja-pekerja di kawasan yang mana hospital-hospital estet ini telahpun ditutup, sekarang ini menghadapi masalah dalam mendapatkan rawatan apabila mereka jatuh sakit.

Jadi, saya merayu kepada pihak Kementerian Kesihatan supaya mengambil tindakan dengan cepat untuk melesenkan hospital-hospital di estet dan meningkatkan mutu rawatan di hospital-hospital tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos. Walaupun Telekom ini telah diswastakan beberapa tahun dahulu tetapi pada pendapat saya sehingga ini Jabatan ini tidaklah melaksanakan tugas-tugas mereka sepertimana kita harapkan melalui penswastaan. Beberapa kawasan dekat dengan bandar ataupun kawasan taman-taman perumahan baru memohon untuk perkhidmatan telefon sejak dua tahun, tetapi sehingga sekarang Syarikat Telekom Malaysia (STM) ini tidak dapat melayani permohonan-permohonan dari kawasan-kawasan baru ini. Jadi ini menunjukkan bahawa STM tidak sedia lagi untuk memberi perkhidmatan yang perlu kepada rakyat kita. Tiap-tiap kali ditanya mengenai perkhidmatan telefon jawapannya "tidak ada talian". Jadi saya harap STM ini mengatasi masalah ini seberapa cepat.

Saya juga dapat tahu STM ini sangat-sangat mementingkan keuntungan sahaja. Mereka cuma mahu keuntungan sahaja. Jadi sebaliknya mereka hendaklah mementingkan keperluan rakyat dan perkhidmatan kepada rakyat. Sebagai contoh, apabila penghuni kawasan ini memohon untuk telefon awam, STM mengatakan mereka hendak buat kajian mengenai berapa ramai penduduk di kawasan itu dan kalau bilangan penduduk itu kurang, mereka tidak mahu memberi perkhidmatan telefoh awam.

Ada kalanya satu-satu kampung di luar bandar itu jauh daripada bandar dan apabila penduduk-penduduknya mohon telefon awam, tidaklah

elok jika pihak STM ini mengkaji tentang soal berapa orangkah yang akan menggunakan perkhidmatan itu dan berapakah keuntungan mereka akan dapat.

Saya rasa, sepertimana saya katakan tadi, mereka hendaklah mementingkan perkhidmatan kepada rakyat Malaysia.

Begitu juga LLN atau Tenaga Nasional nama barunya yang baru diswastakan dan saya syorkan kepada Tenaga Nasional (TEN) supaya jangan ikut contoh yang diberi oleh STM. Kalau Tenaga Nasional pun mementingkan keuntungan sahaja nanti rakyat akan mendapat kesusahan.

Saya harap Tenaga Nasional ini akan meluaskan perkhidmatannya ke luar bandar dan kawasan-kawasan pedalaman.

Baru-baru ini Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos mengumumkan bahawa Perkhidmatan Pos pula akan diswastakan. Kita alu-alukan pengumuman itu dan saya berharap selepas penswastaan, Perkhidmatan Pos akan dijalahkan dengan lebih baik lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang CPA iaitu Commonwealth Parliamentary Association yang mana saya dapat peluang menyertai Persidangan tahunannya baru-baru ini. Dalam perhatian saya dalam persidangan itu saya nampak beberapa perkara yang pelik yang mana saya harap Kementerian...

**Tuan Adam bin Kadir:** Yang Berhormat, perkara yang apa?

**Tuan P. Balaram:** Pelik.

**Tuan Adam bin Kadir:** Pelik, Baik.

**Tuan P. Balaram:** Perkara yang aneh sedikit dalam Persidangan yang berlaku di Harare, Zimbabwe baru-baru ini. Sepertimana kita tahu, bukan sahaja Dewan Rakyat dan Dewan Negara atau Parlimen

sahaja yang menganggotai dalam Commonwealth Parliamentary Association (CPA) ini, Dewan-Dewan Undangan Negeri masing-masing pun menyertai juga, tetapi mereka menganggotai terus dalam CPA ini. Jadi apa yang saya perhatikan dalam Persidangan itu ialah tiap-tiap wakil dari negeri dan juga Parlimen ini pergi ke situ dengan tidak ada satu uniformity atau satu penyatuan. Mereka pergi ke sana tetapi pegawai-pegawai di Persidangan itu tidak tahu siapakah yang sebenarnya mewakili Malaysia. Mereka bubuh di papan tanda di situ "Malaysia" dan lepas itu diikuti pula dengan nama 13 negeri seperti Penang, Melaka, Negeri Sembilan dan sebagainya.

Jadi, saya rasa kita ini satu negara, kita perlu mewakili satu negara ini. Jadi, satu nama sahaja iaitu wakil-wakil dari Malaysia bukan wakil dari Pulau Pinang, Melaka, Sabah, Sarawak dan sebagainya.

**Tuan Adam bin Kadir:** Jadi, mereka tidak bertanya apa itu Penang, apa itu Melaka?

**Tuan P. Balaram:** Setengahnya mereka tak tahu, mereka mementingkan Sabah lebih daripada Malaysia. Sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua, dalam rombongan kami ini Yang Berhormat Dato' Sujak iaitu Timbalan Menteri Besar Negeri Selangor, beliaupun ikut bersama dan begitu juga dua orang ahli dari negeri Sabah dalam sebuah kapal-terbang. Apabila kami sampai di Mauritius iaitu dalam perjalanan kami ini ada satu pengumuman dibuat di situ iaitu memanggil nama wakil-wakil dari negeri Sabah. Mereka diberi satu sambutan yang istimewa, dijemput sekian-sekian orang dan sebagainya ke sebuah bilik istimewa, diberi sambutan macam-macam.

**Tuan Adam bin Kadir:** Itu di Mauritius.

**Tuan P. Balaram:** Ya, di Mauritius. Tetapi dalam rombongan ini seorang Timbalan Menteri Besar dari Negeri Selangor dan lain-lain orang telah diketepikan, mereka diasingkan daripada lain-lain perwakilan itu. Jadi, saya rasa ini kurang baik kerana identiti negara kita tidak ada di sana. Mereka utamakan negeri Sabah di situ. Begitu juga di Persidangan di Harare, ada nama 13 negeri.

Kadang-kadang dia panggil orang dari Pulau Pinang atau wakil dari negeri Sabah. Tidak dijemput wakil dari Malaysia. Jadi, saya haraplah.....

**Tuan Adam bin Kadir:** Bagaimana dengan negara-negara lain, adakah layanannya macam itu juga?

**Tuan P. Balaram:** Negara-negara lain, selain daripada Malaysia, saya agak negara Indiapun begitu juga, wakil-wakil dari tiap-tiap negeri.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya perhatikan di situ apabila persidangan itu tamat, Speaker dalam persidangan itu mengumumkan: Sekarang ini wakil dari Malaysia akan menyampaikan hadiah-hadiah kepada Jawatankuasa yang mengundur diri. Sayapun bertanya apakah hadiah-hadiah itu? Saya dapat tahu tiap-tiap tahun Malaysia yang memberikan hadiah-hadiah itu kepada Jawatankuasa yang mengundur diri tiap-tiap tahun ini. Perkara ini saya rasa tidak adil kerana saya dapat peluang menengok salah satu hadiah itu.....

**Tuan Adam bin Kadir:** Siapa yang memberi hadiah, siapa yang terima hadiah.

**Tuan P. Balaram:** Dari negara Malaysia ini. Hadiah itu disampaikan oleh Speaker dari Parlimen kita iaitu saya dapat tahu tiap-tiap tahun hadiah ini diberi iaitu berharga sampai \$30,000 - \$40,000.

**Tuan Adam bin Kadir:** Negara lain tidak beri hadiah?

**Tuan P. Balaram:** Negara lain tidak beri, cuma Malaysia.



Tiap-tiap tahun negara Malaysia terpaksa memberi hadiah kepada pegawai-pegawai atau Jawatankuasa yang mengundur diri dari jawatan-jawatan masing-masing. Itu saya rasa tidak adil.

Saya dapat tahu amalan ini dimulakan oleh bekas Timbalan Perdana Menteri kita, Yang Amat Berhormat Dato' Musa Hitam apabila beliau menjadi Pengerusi/Presiden CPA. Beliau yang memulakan amalan ini. Jadi, saya rasa kalau hadiah-hadiah yang diberi itu terhadap kenalan di sana iaitu dihadiahkan oleh Parlimen Malaysia ataupun negara Malaysia, saya rasa bolehlah kita berasa puas hati sedikit. Fasal hadiah ini menunjukkan diterima dari siapa pemberinya, tetapi nama Malaysia langsung tidak ada pada hadiah itu. Jadi, saya harap Kementerian yang berkenaan ini dapat mengambil berat sedikit tentang hal ini. Soalan yang pertamanya mengapakah kita Malaysia terpaksa memberi hadiah-hadiah itu tiap-tiap tahun, padahal ada beberapa buah negeri yang menganggotai dalam Persatuan Parlimen Komanwel itu?

Tuan Yang di-Pertua, ada satu perkara yang ingin saya sentuh di sini tentang pembinaan ataupun projek-projek rumah kos rendah. Baru-baru ini Kerajaan kita menggalakkan pembinaan rumah-rumah kos rendah di negara kita ini. Tetapi beberapa pemaju projek perumahan ini mengadu, memberitahu kepada saya bahawa beberapa orang di antara mereka ini tidak mahu melaksanakan atau membina projek perumahan kos rendah ini kerana satu hal yang merugikan mereka iaitu dalam tiap-tiap projek perumahan ini, pemaju ini terpaksa menguntukkan 50% unit rumah kepada kaum bumiputera. Jadi, mereka memang sedia memberikan 50% rumah kalau ada pembeli. Kalau ada pembeli, mereka sedia

memberikan 50% ataupun lebih tetapi masalah ini di beberapa kawasan tertentu, apabila mereka membina projek perumahan dan meninggalkan rumah itu beberapa tahun tanpa pembeli. Kalau ada pembeli, mereka sedia beri 50% itu. Mereka katakan kos pembinaan 50% rumah itu sangat tinggi dan mereka menghadapi kerugian. Jadi, saya merayu.....

**Tuan Adam bin Kadir:** Contohnya di mana, Yang Berhormat? Berikan contoh, di mana agaknya berlaku?

**Tuan P. Balaram:** Contohnya ini berlaku di negeri Kedah. Tiap-tiap projek perumahan kos rendah terpaksa 50% unit rumah diuntukkan kepada kaum bumiputera. Bagi kos sederhana pula 30%. Jadi, masalahnya bukan pemaju-pemaju ini tidak mahu memberi atau menguntukkan, mereka sedia memberi 50% ataupun lebih kalau ada pembeli bumiputera.

**Tuan Adam bin Kadir:** Dalam perkara ini apabila disebutkan kos rendah, apa dia punya ceiling price?

**Tuan P. Balaram:** 525,000 satu unit.

**Tuan Adam bin Kadir:** \$25,000 ke bawah.

**Tuan P. Balaram:** Jadi, saya berharap untuk mencapai matlamat perumahan kita, negara kita atau Kerajaan kita hendak mewujudkan suatu masyarakat yang mempunyai rumah sendiri bagi setiap-tiap keluarga atau tiap-tiap seorang mempunyai sebuah rumah. Jadi untuk mencapai matlamat ini, saya rasa dan saya syorkan kepada Kementerian-kementerian yang berkenaan supaya dikaji semula peruntukan 50% dan 30% ini.

Dengan kata-kata ini, sekali lagi saya menyokong Akta

Perbekalan 1991. Terima kasih.

**Tuan Adam bin Kadir:** Yang Berhormat Senator Mustafa bin Awang.

**5.49 ptg.**

**Tuan Mustafa bin Awang:** Tuan Yang di-Pertua, saya terlebih dahulu mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta mengambil bahagian menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1991. Tetapi saya nampak semua kita sudah letih campur layu macam kurang bateri, tetapi kita akan cuba masukkan bateri petang ini dan saya terlebih dahulu hendak mengingatkan pegawai-pegawai Kerajaan bahawa saya berdiri di sini pada petang ini sedikitpun tidak ada tujuan untuk membidas sesiapa dan kalau ada sedikit-sebanyak itu cuma senda-gurauan sahaja.

Saya juga mengucapkan syabas kepada Kementerian Kewangan dan tahniah serta terima kasih yang tidak terhingga kepada Yang Berhormat Dato' Paduka Daim sebagai Menteri Kewangan, yang telah menyusun atur begitu baik dan telah diterima dan mungkin akan diterima pakai oleh keseluruhannya iaitu Kerajaan dan rakyat tentang pembentangan penyusunan kewangan 1991. Tetapi saya hendak menyampaikan, sedikit rasa dukacita. Saya rasa kurang faham campur keliru kerana saya tengok dalam Budget ini peruntukannya kira-kira 338 ribu juta tetapi belanja pengurusannya lebih daripada \$29 ribu juta, sementara belanja pembangunan hanya \$9 ribu juta.

Mungkin oleh kerana saya bukan ahli wang dan bukan pakar mengenai dengan perancangan, maka dengan sebab itu timbul kekeliruan. Cuma gaya boleh hitung iaitu kira-kira satu pertiga sahaja daripada belanja pembangunan ini dibandingkan dengan belanja pengurusan. Mengapa ini jadi sedemikian? Maknanya pada tangan saya, belanja membangun itu sedikit, jadi tentu lambat bangun fasal baterinya bangun sedikit tetapi belanja mengurusnya banyak. Pada zaman dahulu kalau yang menyebabkan belanja pengurusan ini banyak ialah tenaga kerja dan mungkin alatnya.

**Tuan Adam bin Kadir:** Kalau di Terengganu di panggil beruk dengan apa?

**Tuan Muatafa bin Awang:** Beruk dengan talilah.

**Tuan Adam bin Kadir:** Mana lebih mahal?

**Tuan Mustafa bin Awang:** Ha, itu dia. Jadi sekarang ini mahal tali daripada beruk. [Ketawa] Beruk seekor \$400, tali mungkin 10 meter barangkali \$2.50. Itu yang saya rasa keliru. Kalau kita

terbalikkan dia kurangkan tenaga pengurusan tetapi belanja pembangunannya banyak, tidak timbul fasal Telekom, tidak timbul tasal hospital daerah tidak cukup doktor, tidak cukup pakar, misal kata. Hospital estet merayu setiap kali Dewan, seolah-olah orang dalam estet itu adalah third class dan kalau nyamuknya barangkali dikira nyamuk third class jugalah - dengue Chird class. Itu saya hairan. Jadi, gaya minta Menteri yang berkenaan sama ada besok atau bila-bila, terangkan kepada saya mengapa berlaku sedemikian. Yang lain itu saya berterima kasihlah fasal itu orang lain yang terima dan menggunakannya.

Saya terperanjat - ini mungkin kerana kejahilan saya. Jadi kalau pekerja ramai, pengurusan ramai, pembangunan wangnya sedikit-cepat siap. Yang kita hairan, saya dari Kuala Terengganu datang ke Kuala Lumpur untuk bermesyuarat, saya kira di sepanjang jalan, secara hitung panjang, tidak kurang ada 3,000 jalan raya berlubang pecah yang panjangnya satu kaki dan lebarnya satu kaki - ada 3,000 lubang. Tidak berusik daripada musim tengkujuh sampailah sekarang ini. Apa kerja Menteri Kerja Raya ini?

Tuan Yang di-Pertua, jalan dari Kuala Terengganu ke Kuala Lumpur tiga suku daripadanya tidak dipanggil lebuh raya tetapi dipanggil jalan raya. Itu yang saya katakan tadi pegawai Kerajaan jangan terperanjat. Bukan apa-apa cuma hendak mengingatkan sahaja iaitu tidak kurang 3,000 lubang.

**Tuan Adam bin Kadir:** Boleh kira?

**Tuan Mustafa bin Awang:** Itu dari Pantai Timur ke Kuala Lumpur, saya tidak tahulah dari Kedah sampai sini atau dari Perlis ke Johor.

**Tuan Adam bin Kadir:** Yang Berhormat betul-betul kira?

**Tuan Mnstafa bin Awang:** Anggaran sahaja. [Ketawa] Tidak termasuk corner kiri dan corner kanan, itu hanya jalan 'straight'. Kalau masuk corner kiri dan corner kanan, tidak kurang dari 10,000 lubang. [Ketawa] Ini harus dibaiki. Ini baru sebagai mukadimah.

**Tuan Adam bin Kadir:** Sila.

**Tuan Mustafa bin Awang:** Jadi, kalau boleh kita imbangkan. Kita jadikan separuh-separuh belanja pengurusan separuh, belanja pembangunan separuh dan saya rasa ini ada baiknya. Saya hairan mengapa ini tidak boleh dibuat kerana yang lain semuanya boleh dibuat.

Kayu balak yang tenggelam kira-kira 400 kaki dalam air di Kenyir boleh dipotong di dalam air iaitu dipotong dengan mata gergaji moden. Itu kerana hendak diadakan kawasan pelancongan. Begitu hebat sekali sains dan teknologi dan itu yang sedang dibuat sekarang ini. 400 meter itu sama dalamnya dengan air di Kenyir dan kayu itu dipotong di bawahnya sebab di sana hendak dijadikan kawasan pelancongan kerana pelancongan ini menguntungkan, tetapi ini tidak diambil tahu. Itu mukadimah. Saya ringkaskan dahulu kerana Kementerian Kerja Raya ini nanti kena lagi kemudian kerana ada lagi perkara lain.

Ini saya cerita semasa saya datang. Apabila saya sudah datang ke Kuala Lumpur untuk bermesyuarat di sini, timbul masalah iaitu Parlimen. Fasal perbelanjaan yang pertama yang disebut di sini ialah B.1. Kalau "B.2" - bahaya. "B.2" ini kapalterbang yang bawa bom.

**Tuan Adam bin Kadir:** Itu "B.52".

**Tuan Mustafa bin Awang:** B. 52? Ya. Nasib baik B. 1. Zaman Jepun ada "B.29". Saya kecil lagi waktu itu tetapi saya nampak kapal terbang "B.29".

Parlimen ini, sekali-sekala untuk meriangkan perasaan pegawai-pegawai Kerajaan yang taat-setia, kita bagi pihak Parlimen harus mengenang jasa dan mengenang budi. Saya tidak berniat hendak 'jack' pegawai-pegawai Kerajaan ini kerana saya tidak kenal **pun**. Nampak muka tetapi tidak kenal nama. Jadi, kalau boleh Ahli-ahli Senate yang taat setia ini, yang balik pukul 6.30 - kecualilah yang balik awal, fasal Parlimen ini ada \$16 juta, pada waktu akhir mesyuarat, pada petang itu janganlah semuanya balik, Tuan Yang di-Pertua Dewan isytiharkan "Ahli-ahli Yang Berhormat dan tuan-tuan sekalian yang hadir di dalam Dewan yang mulia **ini**, pada pukul 8.00 malam ini di Dewan sana ada jamuan lebih kurang". Lebih kurang itupun teruk jugalah, paling kurang \$12.00 sepinggan, jamu mereka ini semua sekali-sekala fasal 4 bulan sekali. Takkanlah, seperti kata orang Terengganu, luak duit kerana **ini**, gendala projek lain kerana menjamu pegawai Kerajaan yang taat setia.

**Tuan Adam bin Kadir:** Luak duitkah atau luak pitih?

**Tuan Mustafa bin Awang:** Luak pitih pun sama jugakan. Jadi, saya cadangkan kepada Parlimen ini, sekali-sekala, apabila hari yang akhir itu, Tuan Yang di-Pertua Dewan isytiharkan kepada semua yang hadir ini, termasuklah Ahli-ahli Senate ini - jangan dilupakan Ahli ahli Senate **ini**, supaya sekurang-kurangnya ada jamuan untuk mengenang jasa ataupun mengenang budi. Barulah pegawai-pegawai ini ingat dan tidaklah dia lupa, sebagaimana kata Yang Berhormat Baram tadi iaitu apabila mesyuarat CPA atau apa benda di sana, hadiah diberi daripada siapa pun tidak tahu. Tidakkah ini jahil namanya? Hadiah kita beri tidak tahu dari siapa. Kalau saya hendak sebut bodoh - nanti orang kata orang Melayu bodoh, orang Malaysia bodoh, jadi saya gunakan perkataan Arab - jahil. Jadi orang Melayu tidak boleh marahlah kerana saya sebut perkataan Arab - jahil. Kita beri orang hadiah tetapi tidak tahu dari mana barang **itu**, \$30-\$40 ribu duit habis, ada maknakah itu?

Saya rasa inilah kita kena jaga. Fasal dia sebut Sabah dan sebagainya kerana mungkin Kerajaan Sabah memberi kepercayaan kepada pegawai-pegawai kanan dia - "Awak tolong kenalkan negeri Sabah ini kepada dunia luar". Mengapa tidak berlaku kepada negara Malaysia ini? Bukti nyata. Bukan saya kata, Yang Berhormat Balaram kata. Satu hadiah \$30,000 hingga \$40,000 tidak tahu siapa beri hadiah. Kerja apa ini? Kalau itu kita boleh buat mengapa sekali-kali tidak boleh buat?

Saya cadangkan Parlimen kali ini akan berakhir lhb, petang itu Tuan Yang di-Pertua isytihar kita adakan jamuan di sini. Tidak payahlah beri hadiah atau buah tangan kerana saya tengok, mereka ini dari pukul 2 sudah ada dalam Dewan ini - tunggu. Kena lagi pula itu. Walaupun kita kata Kementerian dia, Menteri dia, pegawai yang berkenaan itu merah telinga dia. Sebab itu saya ingatkan tadi. Tidak ada niat saya hendak mengata pun tetapi apa boleh buat. Kalau kita bukan pemandu bas, sebagai penumpang di dalam bas, kalau tayar pancit, bas masuk gaung, kita sama-samalah.

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

Ini serupa juga. Menteri yang kena, pegawai pun serupa yang kena. Pasal kadang-kadang pegawai itu yang pandai-pandai. Menteri luluskan, dia hilangkan fail - ada juga. Di Kuala Lumpur tidak tahulah, tetapi di negeri-negeri ada. Habis cerita fasal Parlimen.

Yang kedua, fasal Audit. Audit ini jarang orang sebut. Yang Berhormat pun tidak berapa hendak sebut. Fasal Audit ini, dia kadang-kadang tidak beri untung kepada siapa-siapa. Tender-tender tidak ada; kertas tender pun jarang audit. Kalau ada tender pun,, dakwat dengan pen - tidak berapa duit. Audit ini saya nampak ada Kerajaan-Kerajaan Negeri pun kadang-kadang tidak beraudit. Ini nyata. Itu peringkat Kerajaan negeri. Tidak termasuk Badan-badan



Berkanun, Jabatan-jabatan Kerajaan. Patutlah laporan itu, misal kata sampai tahun ini, tahun 1991, dihantarkan pada kita laporan tahun 1985 - 4 tahun lewat. Ustazah kata itu cakap Arab pun ada 'rolat' Lewatlah ya. Lewat pun ada dua makna. Tahu sendirilah,

Jadi, Jabatan Audit Negara harus memainkan peranan mana-mana jabatan ataupun Kerajaan Negeri yang buat lambat-lambat **ini**, tulis surat dan beri amaran kerana duit yang ada dalam khazanah negeri awak dan jabatan awak bukan awak punya. Ini rakyat punya. Jadi, dengan sebab itulah maka dalam butir-butir belanjawan negara yang disebut untuk masyarakat sayang menyayang. Siapa sayang siapa? Dalam buku ini baru ada 1,000 orang diberi "sayang", diberi bantuan pinjaman - 1,000 orang tanpa faedah - 1,000 daripada 18 juta rakyat. Padan, ini masa pilihanraya naik pokok kelapa, padan? Baru 1,000 - tidak padan. Orang Kuala Lumpur kata tidak sesuai. Tidak sepadanlah. Baru 1,000 telah diberi setakat ini. 1,000 orang. Ada pula itu berebut memberi. Kita tahu berebut memberi.

Tuan Yang di-Pertua, berebut memberi pun ada. Kadang-kadang ada orang saya, ada orang dia. Ini yang datang berebut memberi. Kalau aaya ada taring panjang, dia orang sahaja dapat. Kalau saya kuku tidak ada, jangankan taring - tidak dapat. Ini satu persoalan timbul di kampung-kampung. Masalah kasih sayang ini yang hendak dituju ini, tiap orang miskin milik rumah. Rumah kecil dibuat besar sedikit, adakan bilik. Kadang-kadang yang betul-betul susah - janda anak lima tetapi janda tidak berapa comellah, kurang dapat layanan. Saya boleh beri proof, saya nyatakan namanya sekali. Tidak diberi layanan, kerana Ketua Kampung tidak boleh posing orang **itu**, kerana kuasa ini diberi kepada JKK. Orang PAS kata JKK **ini**, Jin kacau

kampung? Orang PAS katalah. J itu 'Jin', K yang satu itu 'kacau', K lagi satu itu 'kampung' - 'Jin kacau kampung'.

Jadi saya harap Kementerian yang berkenaan ini saya nampak di sini patut ada dua. Dahulu satu. Dua di sini maksud saya ialah Kementerian Pembangunan Luar Bandar secara langsung. Lagi satu Kementerian yang Menterinya orang perempuan. Saya kadang-kadang lupa hendak tahu Menteri apa, Kementerian ini - Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Jadi, dua-dua Kementerian ini hendaklah kerjasama kerana tugas mereka ini agak hampir dekat, sangat dekat. Jadi, kena kerjasama. Fasal Menteri perempuan ini - Pembangunan Masyarakat ini melibatkan janda-jandalah, orang-orang susah, orang miskin. Jadi Luar Bandar yang raenyediakan duit. Jadi, kalau sudah laporan daripada Menteri ini patut layak diberi, Menteri Pembangunan Luar Bandar kena berilah. Jangan dok main bertegang.

Ini pun satu masalah apabila perkara ini sudah turun ke peringkat negeri dan peringkat daerah dan peringkat mukim. Di sana akan berlaga. Di Kementerian ini semuanya elok belaka. Sewaktu menyediakan buku ini, semua elok belaka. Semua Yang Berhormat bercakap di Dewan sama ada Senate atau Dewan Rakyat, semuanya baik belaka kerana masing-masing cari pengaruh hendak mengundi lima tahun akan datang. Kalau Perdana Menteri tanya, "Semua bagus belaka, Dato". Timbalan Menteri tanya, "Semua bagus belaka kawasan saya". Jikalau kita masuk kawasan dia, ada Yang Berhormat - 5 tahun, 4 kali melawat pun ada. Tidak pilih dia jadi Wakil Rakyat, jadi hantu raya, masuk 46, masuk PAS. Kadang-kadang dia kerja belakang tabir. Dia yang pergi kait simbol Barisan Nasional. Orang inilah tetapi kalau Menterikah, Perdana Menteri, Timbalan Menteri tanya dia,

"bagus semuanya". Saya berani sebut di Dewan ini. Ada Wakil Rakyat empat kali dalam tempoh lima tahun melawat kawasan. Orang macam ini tidak patut jadi Yang Berhormat. Merosakkan parti Kerajaan terutama Kerajaan Barisan Nasional. Orang ini buat heboh. Ini yang berulang alik di Kementerian-kementerian yang ada faedah. Kementerian Perdagangan Luar kah atau Dalam Negeri?. Kementerian Kerja Raya - kot ada tender-tender besar-besar. Orang inilah.

Jadi, saya haraplah dan pagi tadi apa yang ditaklimatkan oleh Menteri Kewangan yang akan bersara tidak lama lagi - nasib baik. Saya rasa sejuk hati dan saya harap Menteri Kewangan akan datang ini, Dato' Seri Anwar walaupun dia orang muda, dia juga akan bertindak sedemikian. Malah lebih lagi bagi menyelamatkan keadaan kewangan negara yang sekarang ini sudah pulih. Kita takut satu hari dia akan turun, dia akan surut jadi air di Melaka. Apabila dia surut, dia akan kering, dia akan jadi air di Melaka. Sewaktu dia pasang, ini kita jaga dia baik-baik. Kita jaga dia baik-baik biar dia titik, orang tua-tua kata, jangan tumpah tetapi yang pelik ini, bocor yang berlaku. Bocor ke bawah tanah. Sebagaimana Encik Rashid kata tadi - hairan kita, 19 bilion liter air bocor tidak sedar berapa tahun. Kita tidak fikirlah di Melaka ada naga korek di bawah tanah itu - tidak fikir. Menunjukkan bahawa kita tidak hati-hati. Kita cukup alat, sains dan teknologi tetapi malangnya oleh kerana kita alpa, kita rasa kita tidak dilanda sebarang bencana maka kita biarkan keadaan negeri dan negara.

Satu hari kita akan menemui suatu benda atau suatu angkara yang sukar kita atasi. Tetapi walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, kita minta selisih, kita minta Allah lindungi negara dan rakyat kita daripada mala-petaka yang akan timbul ini.

Kalau kita tidak sama-sama jaga, sama-sama awasi, pernah berlaku dalam sejarah dunia, negeri Israel yang rakyatnya waktu itu tidak sampai satu juta, tetapi dia sanggup memamah negara yang lebih berpuluh kali ganda besarnya dalam perang hanya satu minggu sahaja. Benda ini tidak akan mustahil berlaku. Dalam Al-Quran ada menyatakan dengan maksud: "Anggota yang kecil boleh membinasakan anggota yang besar". Allah sudah janjikan begitu. Maka tidak mustahil negara kita ini akan dilanda oleh purak-peranda atas beberapa sebab, sedangkan Kiamat Allah berfirman, berpunca dari tangan manusia, sesungguhnya Kiamat itu ditentukan oleh Allah tetapi berpunca dari tangan manusia. Tidak hairanlah satu-satu negara akan menerima bencana buruk sekiranya rakyatnya tidak sedar diri, rakyatnya merasakan bahawa apa yang ada ini sudah cukup, sama ada dari apa jua bidang terutama sekali dalam bentuk tentera. Kita bimbang kecelakaan ini akan datang dalam bentuk yang halus, dalam bentuk yang penuh diplomasi dan diplomatik kita akan tergadai.

Saya masih ingat ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Dr Mahathir baru-baru dia menjadi Perdana Menteri. Dia berkata: "Dahulu kita takut penjajahan, satu negara yang berkuasa mempunyai senjata menakluki negara lain yang tidak mempunyai

senjata ataupun bala tentera yang terlatih". Satu ketika dunia terpaksa begitu, tetapi zaman moden ini ada negeri yang sedar dan insaf, dia takut negara itu akan ditakluk dalam bentuk yang lain, tetapi dalil dan bukti telahpun ada. Hatta Malaysia ini sebahagian-sebahagiannya telah ditakluk oleh negara lain.

Tuan Yang di-Pertua, apa dalil dan bukti saya kata sedemikian? Satu contoh paling kecil, kalau dahulu majlis ada tari-menari, dondang sayang dan joget lambak, paling kurang lagu Canggong dinyanyikan, tetapi hari ini dan beberapa tahun kebelakangan ini, ini semua sudah tidak ada, yang ada ialah Rock and Roll. Saya pun minat, saya pun boleh menari disko daripada pukul 9.00 sampai 2.00 pagi, jangan 'challenge' saya walaupun sudah tua, sekarang inipun boleh lagi. Ini ertinya suatu penaklukan dalam bentuk budaya, kalau dahulu kita jumpa orang tua-tua 'Assalamualaikum', sekarang sudah tidak ada, misalnya kalau jumpa antara lelaki dan perempuan 'hai!', slow, perlahan, kerana perlahan ada satu daya penarik yang sangat tajam. Walaupun semua saya nampaknya, setidak handsome ini, walaupun rambut kurang [Ketawa] - kawan sebelah senyum tetapi kalau saya gunakan suara dengan nada yang baik, hoi! jangan, kalau baya macam umur Puan Ainon balik teringat [Ketawa] muda lagi, tidak tahulah. Ada cara dia, ertinya itu satu penaklukan yang ditakuti oleh Dato' Seri Dr Mahathir.

Dalil yang kedua, zaman dahulu kalau orang hendak meminang, orang Melayu, Tuan Yang di-Pertua, adat orang Melayu apabila si lelaki hendak meminang si perempuan, bapa si perempuan akan tanya "Tamat mengaji Quran berapa kali?" Kalau tiga kali itu dia kata,

"Alhamdulillah, ini mungkin menantu yang baik". Sekarang tidak tanya lagi, kau mengaji ke atau tidak mengaji, tidak peduli. Fasal lulus universiti atau tidak lulus universiti pun tidak ditanya kerja apa? Kalau kaca jadi D.O. tidak berapa senyum, kalau jadi kontraktor jangan main, sebab D.O. tidak pakai BMW 520 yang baru, dia tidak pakai, jarang D.O. ada. Kalau di Terengganu tidak ada, paling-paling kuat Mercedes Benz 200 second-hand, berharga \$45,000 itu yang paling tinggilah. BMW baru tidak ada, tetapi kontraktor boleh pakai 7 buah kereta, 3 buah BMW 280, jangan ditanya jeep atau kereta Jepun seperti Suzuki dan sebagainya, ini dibawa pergi memancing. Sebab matabenda duitan, matabenda sudah menjadi punca yang lain-lain hilang.

Apa kita tidak bimbang sekarang ini, apa tidak bimbang, serupalah dengan Perang Teluk ini, yang paling cerdik memainkan peranan menjahanamkan negara itu ialah orang Israel, bukan Amerika. Itu pada hemat sayalah. Israel memainkan peranan, dia banyak duit dan apa kurangnya di Malaysia ini, pernah satu masa kita bertempik.

Saya pernah menyebut di sini, minta Kerajaan kita mengawasi dengan Persatuan Zionis Antarabangsa, dia sudah bertapak di Asia Tenggara bersama-sama dengan Persatuan Kristian. Buktinya jelas. Apa telah berlaku di Sabah, serambinya Singapura, tempat berbicaranya di Jakarta kerana ibunya di sana, bapanya di Sabah, anak saudaranya ada di Singapura, cukuplah itu, lengkaplah itu. Dan di utara negara kita ada sebuah negara jiran yang membuka luas, siapa sahaja datang ke negara dia, dengan sebab itu di Asia Tenggara ini top dengan pelancongan, dijual apa sahaja, beg plastik, beg

getah, beg kulit pun dijual.

Kita tidak hairan, sejarah berlaku sewaktu Perang Jepun, dia boleh kata 'awak lalu di sini, bayar duit, royalti, jangan serang negeri aku' dia serang negeri sana peduli apa. Ini kena ingat, Tuan Yang di-Pertua, terutama sekali orang muda-muda kena ingatlah, dibenarnya lalu askar Jepun ikut negeri dia, dan diminta sedikit bayaran, lepas itu Jepun serang negeri kita, negeri dia tidak ada apa pun. Inipun penyakit. Jadi ertinya wang atau -matabenda merupakan satu racun yang sangat bisa. Walaupun semua orang berlari berlari mencari duit ringgit, maka di dalam manis ada racunnya.

Habis di situ sementara.

Saya minta izin, Tuan Yang di-Pertua, untuk minum air, ini mungkin tidak pernah berlaku dalam Dewan ini, ahli Senate minum sewaktu berucap.

Saya akan beredar kepada Kepala B.4 - Suruhanjaya Pilihanraya, tadi Audit. Walaupun pernah disebut, mengikut peraturan yang telah dibuat tiap-tiap 10 tahun sekali kawasan-kawasan pilihanraya akan disemak semula sama ada ditambah kerusi Dewan Undangan Negeri ataupun Dewan Rakyat kecuali Senate ini yang unlimited, ada negeri lima pun ada, ada negeri dua pun ada, ada negeri kecil sampai 2-3 dan ada pun ada, negeri besar 2 sahaja. Itu tidak kiralah.

Saya mintalah Suruhanjaya Pilihanraya ini, selain daripada menyemak semula dengan kerjasama Jabatan Perangkaan, Jabatan Perangkaan inipun sentiasa kadang-kadang kalau kita tanya berapa penduduk negara Malaysia ini. Dia jawab 17,842,000. Ini rambang semuanya. Lepas itu setakat 17 juta ini bila? Dia jawab lima tahun dahulu, tahun 1981, tahun 1985 tidak pernah cepat. Kita harap Suruhanjaya Pilihanraya dengan Jabatan Perangkaan ini kena kerjasamalah, bancilah betul-betul rakyat ini. Yang lahir di sini, anak-anak peribuni berapa banyak? Apabila kita bertanya kepada Kementerian yang berkenaan berapa pendatang tanpa izin, berapa pendatang haram? Mereka kata mereka tidak kerja banci itu. Kalau awak tidak kerja membanci itu, awak jadi Menteri Dalam Negeri buat apa?

Kita bukan marah, kerana kita minta jawapan tidak pernah tepat. Selepas itu apabila kita hendak sangat jawapannya, dia akan beri tahu ada 70 ribu pendatang tanpa izin. Ada pula Kementerian Tenaga Manusia ini mengatakan bahawa kita perlukan pendatang-pendatang haram ini, mereka telah dimasukkan dalam rekod untuk bekerja di ladang kelapa sawit. Jadi maknanya negeri kita ini, kalau menyanyi tanpa lagulah, bukan menyanyi tanpa muzik, menyanyi tanpa lagu. Apabila orang bertanya kita, "awak menyanyikah itu". "Yalah saya menyanyi", "mana lagunya?" "Lagu tiada tetapi menyanyi - menyanyi." Inilah dia.

Pendatang tanpa izin bilangan tidak tahu. Satu contoh, daripada negeri Thai sempadan dengan Kelantan ada 220 lubang hendak masuk. Jangan faham lain, Tuan Yang di-Pertua, maksud saya. Lubang di kawasan sempadan itu ialah jalan untuk masuk ke Malaysia



ada 220. Tetapi yang kita kawal hanya tidak lebih daripada 88 tempat sahaja. Berapa baki ada? Lembu boleh masuk, babi boleh masuk, kerbau boleh masuk, kuda pun boleh masuk. Orang jangan cakaplah. Kuda Thailand masuk Malaysia ini. Semua orang sudah pandai main kuda. Saya dicadangkan, dia kata, "Yang Berhormat patut beli kuda supaya jangan buncit perut". Saya kata, "saya tidak manpu membeli makanan kuda" - Kuda Siam harganya \$620 sahaja seekor - boleh bawa masuk. Dia kata sampai ke rumahlah \$620, tanpa kuarantin dan sebagainya. Itu tidak dikawal. Lepas itu kita bertempoklah di sini fasal mengenai pendatang tanpa izin. Mereka masuk cari kerja, boleh tahan lagi, dia masuk kahwin, tidak apa lagi. Sama ada lelaki atau perempuan dia masuk kahwin dengan orang kita -tidak apa. Kahwin, dapat zuriat, alhamdulillah. Kalau dia Islam kita Islam - selamat, kembang Islam ini. Nabi pun hendakkan umat. Nabi pun suka besok di hari khamat.

Tetapi yang pelik mereka datang ke ini, apa kerja mereka? Mereka datang ke sini duduk di kawasan pendalaman, terutama di FELDA-FELDA, FELCRA, RISDA dan sebagainya. Mereka jadi perompok, dia jadi pembunuh, dia jadi pencuri, paling kurang dia bunuh sesama dia. Tidak percaya kata saya, Tuan Yang di-Pertua, tanya polis ada atau tidak, banyak rekod hal ini. Di Terengganu berlaku, di Pahang berlaku, Tempat lain saya kurang tahulah. Dia bunuh! Dia sama dia, dia bunuh, dia hendak curi cincin tak dapat fasal lekat, dia potong dengan pahat. Ini berlaku di waktu malam semasa mereka sedang tidur dipotong jari dengan pahat. Hendak ambil cincin, satu jari dipotong. Itu tidak hairan. Hendak curi duit kawannya cuma \$560

sahaja, dia bantai dengan pahat buah kelapa sawit dekat leher, kepala suku, badan suku! Siapa yang susah? Kita yang susah. Kita terpaksa tangkap dia, masuk penjara, masuk lock-up. Sementara hendak membunuh dia mengambil masa dua tiga tahun - kita bagi dia makan, satu hari kurang-kurangnyanya \$5, api, air kena kira, dia sakit kena bawa pergi hospital, satu injection \$25. Ini juga harus diambil kira. Apabila telah diberi kuasa kepada Kementerian-kementerian yang berkenaan.

Saya harap Suruhanjaya Pilihanraya dan Jabatan Perangkaan akan bekerjasama, banci semula rakyat, paling kurang sepuluh tahun - tradisi British buang. Jadikan ianya lima tahun sekali-sekali banci, itu baru betul. Sepuluh tahun lama sangat! Lima tahun kena banci berapa banyak sebenarnya rakyat kita. Kalau tidak susah kita .

Tuan Yang di-Pertua, B.5 inipun jarang orang sebut. Saya terlebih dahulu minta izin dengan pegawai-pegawai tinggi Kerajaan. Baru-baru ini bagi pihak Kerajaan telah memberi dua pilihan kepada pegawai-pegawai Kerajaan hendak jadi orang pencen ataupun hendak terima bonus melalui KWSP. Mengikut congak dan perhitungan saya, kalau saya sebagai seorang pegawai Kerajaan, pencen saya katalah \$500, umur sampai 55 tahun. Paling panjang umur saya katalah 70 tahun. 55 hendak jadikan 70, campur berapa lagi? 15 tahun, ya? 15 tahun itu, kira mata sudah tidak senonoh, gigi pun sudah runtuh, semangat langsung tidak ada - atas bawah punya semangat habis, fasal hendak tunggu pencen. Saya kira-kira 15 tahun - 12 x 15 jadi berapa? 180 bulan, ya? Betul atau tidak? 180 bulan tunggu hendak mendapat pencen, umur sudah 70 tahun. Jadi kalau kita gasak bonus

melalui KWSP di waktu umur kita 55 tahun, saya rasa kita dapat banyak. Saya kira kalau umur 55 tahun ataupun sebelum 55 tahun - 50 tahun kita sudah gasak tiga-suku, 50 tahun itu ada chance lagi bukan? Macam saya sudah 51 tahun, maknanya ada chance lagi gunakan duit itu. Saya sudah kira itu untung kalau kita ambil KWSP.

Saya tidak berniat hendak 'jack' pegawai Kerajaan untuk menyokong Kerajaan, ini tidak timbul. Kononnya mungkin pegawai Kerajaan akan kata kepada saya, Kerajaan ambil wang KWSP buat berniaga, dia buat pembangunan. Tetapi duit pencen inipun Kerajaan belanja juga sementara umur kita 55 tahun - tetapi dia akan dapat sekali gus. Kalau kita sudah pencen, lutut sakit, gigi tiada, mata sudah kabur, pinggang lagi sakit, duit ini guna apa? Kalau sayalah, ini bukan kempen, minta maaf, cuma kita minta Kerajaan satu sahaja, janganlah tunggu umur 55 tahun kalau pegawai Kerajaan ini pilih KWSP. Biarlah umur dia setakat 50 tahun, keluarkan habis duit KWSP-nya itu, bagi chance kepada dia untuk pergi Hajikah, hendak buat Umrahkah, hendak kahwin lebihkah, itu dia punya fasal. Itu sahaja yang saya minta.

Saya cadangkan kepada Kerajaan supaya pegawai Kerajaan jangan mengambil pencen tetapi masuk melalui KWSP dengan syarat bila sampai umur 50 tahun keluarkan habis duit KWSPnya. Saya hendak cadangkan lagi satu, Tuan Yang di-Pertua, apabila seorang bekerja dengan Kerajaan .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat boleh sambungkan ucapan esok.

**Tuan Mustafa bin Awang:** Insya Allah, boleh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Mailis Mesyuarat ini ditangguhkan pada pukul 2.30 petang esok.

**Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.**

